

Bab Keempat

Idea-Idea Pembaharuan

1. Perjuangan *Majalah al-Islah*

Bab ini merupakan bahagian yang amat penting sebagai skop kajian pengkaji untuk menganalisis dan menjawab kepada keseluruhan persoalan kajian. Di mana kajian hanya akan difokuskan kepada persoalan kajian dengan menganalisis subjek kajian bagi melihat idea-idea pembaharuan yang terdapat di dalam *Majalah al-Islah*. Oleh itu, sebelum pengkaji menghuraikan dengan lebih lanjut mengenai aspek-aspek yang akan dibincangkan di bawah ini, terlebih dahulu elok kiranya pengkaji membuka lembaran ini dengan penerangan yang jelas mengenai bab ini.

Berdasarkan bab-bab terdahulu yang telah dibincangkan, bab analisis ini merupakan fokus utama kepada kajian ini. Di mana pengkaji akan membahagikan kepada lima bahagian meliputi bidang pendidikan, politik, perundangan, ekonomi dan sosial.

2. Pendidikan

Ilmu dan pendidikan adalah antara faktor yang telah membentuk kegemilangan peradaban Islam pada masa lalu. Tanda kemajuan atau mundurnya sesebuah tamadun itu berkait rapat dengan maju mundurnya ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan merupakan aspek terpenting dalam merubah sesebuah masyarakat. Pendidikan yang sempurna akan dapat memandu manusia ke arah umat mulia yang dapat menjaga keselamatan diri, agama dan negara. Oleh itu, *al-Islah* banyak memberikan komitmen dan komentar mengenai masyarakatnya agar sentiasa memanfaatkan ilmu pengetahuan dan mengutamakan pendidikan dalam proses transformasi masyarakat Melayu dalam memperbaiki taraf kehidupan sosial ekonominya.

Antara isu yang diketengahkan dalam bidang pendidikan ialah mengenaipentingnya pelajaran dalam memahami falsafah pendidikan negara yang bertujuan melahirkan insan yang soleh berdasarkan kepercayaan, keyakinan serta kepatuhan kepada Tuhan. Pendidikan yang bertujuan melahirkan insan kamil tidak akan tercapai sekiranya kita mengamalkan sistem pendidikan berorientasikan pendidikan liberal yang lebih bersifat sekular. Justeru itu, bagi pandangan Tuan Haji Yusof Rawa, bagaimana sesuatu matlamat pendidikan Islam itu dapat dicapai sekiranya dasar pendidikan itu sendiri lebih terarah kepada sistem sekular.

Di dalam isu pendidikan ini, beberapa persoalan yang telah dibincangkan oleh *al-Islah*. Antaranya persoalan (i) ilmu pengetahuan, (ii) pendidikan Islam, (iii) dasar pendidikan negara, (iv) institusi pengajian tinggi, dan (v) sains dan teknologi. Oleh itu, pengkaji akan membahagikan isu-isu ini kepada beberapa bahagian mengikut isu perbincangan yang dinyatakan di atas tadi.

2.1 Ilmu Pengetahuan

Tentang pendidikan ini *al-Islah* menekankan betapa pentingnya pendidikan dalam perjuangan Islam. Tuan Haji Yusof Rawa berkata:

“Pengajaran tidaklah cukup dengan hanya menumbuhkan angkatan-angkatan yang memahami matapelajaran-matapelajaran persekolahan sahaja, sama ada rendahnya mahupun tingginya, malahan seharusnya - menumbuhkan angkatan-angkatan yang - mempunyai kesanggupan, penuh bertanggungjawab dan betul-betul berguna dalam menghadapi dan mengharungi urusan penghidupan, sebagai anggota masyarakat, sebagai warganegara dan – yang akhir tetapi paling utama sekali – sebagai hamba Allah s.w.t. dalam erti sebagai hamba dalam ungkapan terakhir ini terlengkap segala yang terdahulu”.³⁸⁵

³⁸⁵Yusof Rawa (1970), “Kita Dan Pendidikan - Pengajaran”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 12, jil. 1, 1 Ogos 1970 bersamaan 28 Jamadil Awal 1390, h. 3.

Menurutnya, dalam melaksanakan aktiviti pendidikan dan pengajaran rakyat, kajian-kajian yang betul terhadap tabiat-tabiat manusia itu amat perlu supaya pendidikan yang diberi tidak akan bertentangan malah bersesuaian, saling sambut menyambut agar kemajuan itu dapat tumbuh dengan lancar dan kemakmuran terlaksana dengan baik dalam suasana aman dan damai. Pendidikan dan pengajaran juga seharusnya bukan sekadar menumbuhkan badan dan akal yang sihat semata-mata, bahkan kesihatan jiwa juga perlu diutamakan dalam erti mempunyai akhlak yang baik dalam menyeimbangi tuntutan tabiat dan sunnah alam.

Oleh itu, dalam mencari penyelesaian permasalahan ini, beliau menyatakan guru perlu mengambil peranan dalam menjadi pendidik yang dipertanggungjawabkan. Seseorang guru itu hendaklah dipersiapkan dengan pengetahuan ilmu yang luas agar tidak berlakunya penyewengan dalam proses pembelajaran:

*“Guru yang dipertanggungjawabkan, haruslah terdiri daripada orang-orang yang terdidik selengkapnya tidak terkecuali jiwanya, terdidik dengan sifat-sifat dan pembawa-pembawanya yang diperlunya oleh prinsip-prinsip keguruannya, taat dan setia kepada negara, dikawal oleh peraturan yang kemas dan berkesan bagi menjamin tidak ada penyelewengan yang tidak diingini. Sebab penyelewengan itu adalah mensia-siakan usaha-usaha penyusunan rencana-rencana yang baik”.*³⁸⁶

Guru-guru juga digesa agar tidak semata-mata mengajar tetapi juga perlu menyelami permasalahan yang dialami oleh para pelajar agar tidak ada pelajar yang tercicir dalam memahami pembelajaran:

“Maka si pengajar (guru) sebagaimana ia mesti tahu dan kenal betul-betul matapelajaran yang akan diajarnya, ia juga semestinya tahu dan kenal betul-betul akan murid-murid yang

³⁸⁶ *Ibid.*

akan diajarnya. Kenal fizikalnya, kenal mentalnya dan kenal spiritualnya, kerana manusia ini – yang tidak cacat – biarpun sama-sama mempunyai anggota badan, sama-sama mempunyai akal fikiran dan sama-sama mempunyai jiwa raga, namun oleh nicar dan suasana keliling yang mungkin berbeza-beza, akan mungkin pula berbeza-beza perkembangannya”.³⁸⁷ “Itulah dia ringkasan gambaran tugas dan tanggungjawab guru (pendidik), sebab itu apa sahaja kemajuan maka guru adalah pemegang saham utamanya”.³⁸⁸

Berdasarkan petikan di atas jelas menyatakan bahawa untuk melahirkan anak bangsa yang berjaya bukanlah suatu hal yang mudah. Sehingga kini, masalah keciciran pelajar di dalam pelajaran bukan suatu permasalahan yang dianggap remeh. Keadaan ini amat rumit untuk diatasi sekiranya guru-guru masih mengambil enteng terhadapnya. Sebaliknya para guru dikehendaki sentiasa peka terhadap masalah-masalah pembelajaran yang dihadapi oleh para pelajarnya. Sebagai contoh, matapelajaran Bahasa Inggeris. Ramai di kalangan pelajar yang masih tercicir dan memerlukan bimbingan yang berterusan dengan mengadakan kelas pemulihan, tuisyen tambahan, latihan tubi yang berkaitan, atau sebarang aktiviti yang boleh meningkatkan pemahaman para pelajar.

Di samping itu juga, Tuan Haji Yusof Rawa juga menyokong penuh kata-kata Sultan al-Malik Faisal Ibnu Abdul Aziz dari Arab Saudi yang berkunjung ke Malaysia menyeru umat Islam agar berusaha mendapatkan ilmu pengetahuan untuk hidup bahagia di dunia di samping mengembangkan hasil-hasil negara dan memperbaiki kedudukan masyarakat. Beliau menyatakan, *“titah baginda sultan itu sungguh sesuai dan selaras dengan sabda Nabi Muhammad s.a.w.*

³⁸⁷Yusof Rawa (1972), “Guru”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 17, jil.3, 5 Mei 1972 bersamaan 1 Rabiul Akhir 1392, h. 3.

³⁸⁸*Ibid.*, h. 14.

yang menjelaskan betapa pentingnya nilai ilmu pengetahuan kepada umat manusia menurut pandangan agama Islam”.³⁸⁹

Menurut beliau lagi, pendidikan itu merupakan suatu asas terpenting dalam membentuk program pembangunan diri dan masyarakat.

“...sesiapa pun tahu bahawa sesuatu masyarakat yang menyedari kepentingan ilmu pengetahuan di kalangan rakyat, bukan sahaja menimbulkan kemudahan bagi angkatan pelajar-pelajarnya, malahan menggalakkan dan merangsangkan mereka, menerusi peranan-peranan pertanggungjawaban yang dimainkan oleh masing-masing anggota masyarakat dalam apa sahaja bentuk dan ragamnya, sama ada spiritual mahupun materialnya”.³⁹⁰

Dengan menguasai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang, sesebuah masyarakat itu akan sentiasa dipandang mulia di kalangan masyarakat yang lain. Pendidikan menjadi asas yang penting dalam membentuk sesebuah tamadun yang unggul. Masyarakat yang bertamadun sentiasa menjadi ikon kepada tamadun yang lain seperti yang dilihat sorotan sejarah pembentukan tamadun Melayu, China, India, Mesir dan Yunani. Semua tamadun ini menjadikan pendidikan sebagai salah satu asas kepada pembentukan tamadun yang unggul.

Di mana menurutnya lagi, proses pendidikan itu merupakan gelanggang utama dalam menghadapi cabaran dan pelbagai anasir yang kurang sihat. Seperti yang dinyatakan oleh Prof Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar, *et.al.*, (2009) di dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Asia* bahawa dunia kini menghadapi proses globalisasi.³⁹¹ Oleh itu, melalui pendidikan pelbagai cabaran dan anasir yang kurang sihat dapat di atasi. Jika manusia mempunyai kemahiran dalam sesuatu bidang, ia akan mampu membantu masyarakatnya menguruskan kehidupan

³⁸⁹Yusof Rawa (1970), “Ucapan Raja, Raja Ucapan!”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 9, jil. 1, 15 Jun 1970 bersamaan 11 Rabiul Akhir 1390, h. 3.

³⁹⁰Yusof Rawa (1972), “Ekspo Pendidikan”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 8, jil. 3, 1 Jun 1972 bersamaan 18 Rabiul Akhir 1392, h. 3.

³⁹¹ Osman Bakar, *et.al.*, (2009), *Tamadun Islam Dan Tamadun Asia*, Universiti Malaya, h. 112.

dengan lebih mudah. Contoh yang paling jelas ialah penciptaan telefon. Kepakaran dalam mencipta telefon akan memudahkan urusan dan perbualan dapat dirakam dalam jarak yang agak jauh tanpa perlunya individu tersebut menemui teman yang dihubungnya itu.

“Maka lapangan pendidikan, pengajaran, cabang dan cawangan ialah gelanggang utama bagi silat pencak dalam menghadapi cabaran ini. Lapangan inilah yang akan menjamin kesaksamaan pertumbuhan angkatan masa datang yang akan memikul tanggungjawab-tanggungjawab yang pelbagai - berbagai-bagai lapangan yang diperlukan oleh kehendak-kehendak hidup rakyat dan negara dalam zamannya, dari segi keseorangan, kemasyarakatan, kewarganegaraan dan kehambaan diri berhadapan dengan ketuhanan Allah s.w.t.”³⁹²

2.2 Pendidikan Islam

Syed Nasir bin Ismail, Yang Dipertua Persekutuan Islam Selangor dan Pengerusi Majlis Perhubungan Persekutuan Seruan Islam Malaysia di dalam artikelnya *“Aspek-Aspek Dalam Menghadapi Ancaman Missionari Kristian/Agama-Agama Lain Dan Menghadapi Konspirasi Kebudayaan Barat”* ada menyatakan perihal mengapa umat Islam pada hari ini begitu terpengaruh dengan budaya Barat. Menurutnya, ada beberapa sebab mengapa orang-orang Islam sudah terpengaruh oleh Kristian dan kebudayaan Barat. Pertama, kerana kelemahan orang-orang Islam itu sendiri dalam memahami hakikat Islam yang sebenar. Kedua, kerana lebih mementingkan dan cenderung kepada aspek kebendaan.

“...dan umat Islam juga didapati ramai yang memalingkan diri dari tujuan yang dikehendaki oleh Islam, sama ada mereka sedari ataupun tidak, banyaklah yang sudah dipengaruhi oleh berbagai-bagai faham yang bertentangan dengan hakikat Islam. Apabila telah ramai anggota masyarakat Islam yang meninggalkan kewajipan agamanya maka kaburlah pendidikan Islam akibat daripada mendambakan pendidikan ala Barat

³⁹²*Ibid.*, h. 14.

*sehingga mereka menyatakan bahawa pendidikan Islam telah lapuk dan tidak sesuai dengan zaman moden sekarang”.*³⁹³

Keadaan ini bertambah parah lagi apabila institusi keluarga tidak mematuhi dan tidak mengerjakan ajaran-ajaran Islam, maka tidak dapat dinafikan bahawa anak-anak yang akan mewarisi angkatan akan datang tidak terdidik dengan pendidikan Islam. Padahal didikan yang baik di rumah amat diperlukan supaya anak-anak itu kenal dengan intisari dari pendidikan Islam yang sebenar.

Justeru itu, beliau telah memberikan garis panduan dalam menghadapi ancaman-ancaman Kristian ini.³⁹⁴(i) Menyebarkan dakwah Islam dengan lebih hebat lagi. (ii) Menambah lagi rancangan-rancangan berunsur agama Islam dalam siaran radio dan memperbaiki rencana-rencana itu dengan cara yang lebih sesuai dan menarik. (iii) Menyedia dan menyebarkan risalah-risalah serta penerbitan-penerbitan yang mengandungi ajaran Islam dalam bentuk menarik minat pembacanya. (iv) Berikhtiar mengadakan taman pendidikan kanak-kanak dengan lebih banyak, kerana usaha menanamkan jiwa cintakan agama di sisi kanak-kanak yang belum sampai umur persekolahan tidak kurang pentingnya. (v) Mengadakan kelas-kelas agama di masjid-masjid, surau-surau, di kelas-kelas kemasyarakatan dengan cara penyampaian yang sesuai pada zaman ini. (vi) Kelulusan mata pelajaran agama Islam hendaklah diberikan nilai dalam perkhidmatan kerajaan dan badan-badan berkanun. Dengan jalan ini menggalakkan anak-anak Islam mempelajari dan mengambil pelajaran ini. (vii) Majlis kebangsaan Islam yang baharu ditubuhkan hendaklah mengambil langkah-langkah segera untuk menyelaraskan pentadbiran pejabat-pejabat

³⁹³Syed Nasir bin Ismail (1970), “Aspek-Aspek Dalam Menghadapi Ancaman Missionari Kristian/Agama-Agama Lain Dan Menghadapi Konspirasi Kebudayaan Barat”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 5, jil.1, 15 April 1970 bersamaan 8 Safar 1390, h. 16.

³⁹⁴*Ibid.*

agama dan majlis agama Islam negeri-negeri serta memberikan fatwa-fatwa yang diterima di seluruh Malaysia untuk menggambarkan perpaduan dalam Islam. (viii) Menghapuskan atau sekurang-kurangnya mengendurkan pertentangan dan perselisihan antara sesama orang Islam dalam soal politik dan peribadi. (ix) Mendirikan sebuah pusat dakwah dan penyelidikan Islam yang besar dan lengkap, dan di sinilah kader-kader dakwah di masa depan menerima latihan dan pendidikannya.

Jaliluddin Melaka juga menyokong penuh kenyataan ini. Menurutnya bagi menyatukan umat Islam itu di dalam satu kesatuan, umat Islam perlulah dibekalkan dengan ilmu pengetahuan tentang agama Islam yang membawa maksud perdamaian, sejahtera dan selamat.

*“Sebagai langkah utama untuk mengumpulkan mereka dalam satu perikatan yang dinamakan perdamaian Islam dan kepercayaan mentauhidkan Allah, dengan menyiarkan pelajaran-pelajaran Islam sahajalah boleh menjamin keharmonian dan keamanan dunia”.*³⁹⁵

Jaliluddin Melaka memetik kata-kata Prof. Dr. S.A. Haque dalam sebuah karyanya berjudul *Sumbangan Islam Terhadap Perdamaian Dunia* berkata:

*“Jika hukum-hukum dan pelajaran Islam yang berhubung dengan perang dilaksanakan dengan sempurna, nescaya dunia akan berada dalam syurga yang selamanya ini dicarinya, sebagai menggantikan neraka yang sedang ditujunya sekarang”.*³⁹⁶

Oleh itu, dari kata-kata yang dipetik oleh Jaliluddin ini membuktikan bahawa pelajaran agama itu adalah suatu yang amat penting dan menjadi langkah awal dalam pembentukan akhlak dan moral diri setiap individu.

³⁹⁵ Jaliluddin Melaka (1970), “Ke Arah Keharmonian Dan Kesejahteraan”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 8, jil.1, 1 Jun 1970 bersamaan 26 Rabiul Awal 1390, h. 13.

³⁹⁶ *Ibid.*

Pendidikan Islam adalah nadi dalam pembentukan jiwa dan makanan bagi rohani. Apabila pelajaran pendidikan Islam cuba disingkirkan dari sistem pembelajaran maka sistem sedia ada akan menjadi cacat kerana tidak berlakunya keseimbangan di antara kegiatan berbentuk kerohanian dengan jasmani. Ini kerana pendidikan Islam menjadi benteng dan asas yang kukuh dalam membentuk jati diri umat Islam dalam mengenal keesaan tuhanNya. Namun kini ramai yang beranggapan bahawa nilai kebendaan yang dikejar itu merupakan unsur kebahagiaan yang hakiki. Kita perlu sedar bahawa nilai kebendaan hanyalah merupakan nilai kebahagiaan bersifat sementara yang boleh mendatangkan kelalaian dan kesombongan diri jika tidak disertai dengan ketakwaan kepada Allah (spiritual).

2.3 Dasar Pendidikan Negara

Di dalam artikel *Pembentukan Teknologi Dan Saintis*, beliau memetik pandangan seorang wakil dewan dari PAS yang menyarankan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia supaya membentuk suatu proses pembelajaran teknologi dan saintis yang selari dengan pendidikan tauhid agar kelak tidak menjadi manusia yang hanya sekadar mendewakan sains dan teknologi semata-mata tanpa mengenal siapakah yang menciptakan alam ini. Ini kerana menurutnya melalui sains dan teknologi kita berupaya untuk mengenal segala rahsia dan hikmah-hikmah yang bermanfaat dan seterusnya memberikan keyakinan tentang bukti keesaan Allah s.w.t.

“Bahawa di dalam membentuk angkatan teknologi dan saintis itu, janganlah hendaknya lupa – sekali lagi – saya katakan jangan lupa – menyertakan pendidikan tauhid, pendidikan beragama – agama apa pun – supaya angkatan itu tidak akan tergolong kelak menjadi manusia-manusia yang mendewakan sains dan teknologi semata-mata sehingga tipis sekali kepercayaan mereka kepada tuhan yang sebenar-benarnya

meletakkan rahsia-rahsia dan hikmah-hikmah yang memanfaatkan oleh ilmu sains dan teknologi... ”³⁹⁷

(Penyata Rasmi Dewan Rakyat, 24 April 1973)

TuanHaji Yusof Rawa turut mengiakan kata-kata wakil dewan rakyat ini. Menurutnya, pada masa kini Islam tidak sesekali menghalang para penganutnya mempelajari ilmu sains/teknologi dan lain-lain pengetahuan (kemajuan), bahkan “*datangnya Islam ialah mencairkan kebekuan berfikir...bukan sedikit ajaran-ajaran al-Quran yang merangsang kita menggunakan pandangan, pemerhatian dan pemikiran terhadap segala sesuatu ciptaan tuhan yang dijadikan faedah dan manfaat manusia*”.³⁹⁸Oleh itu, bagi mengatasi permasalahan ini, beliau telah memberikan beberapa saranan dan cadangan kepada pihak Kementerian Pelajaran agar mengkaji dengan lebih mendalam dasar pelajaran yang telah dibentuk sebelum ini agar pendidikan yang didirikan itu dapat membentuk dan mendidik masyarakat ke arah masyarakat bertuhan.

“Kementerian Pelajaran wajar sekali mengkaji dengan mendalam dasar-dasar pelajaran yang ada sekarang ini supaya satu dasar baru dibuat yang benar-benar bila dilaksanakan dapat mendidik lalu membentuk masyarakat kita ke arah masyarakat bertuhan”.³⁹⁹

Di samping itu, beliau juga turut menyarankan kepada badan-badan berkanun dan persatuan dapat memberikan cadangan dan pengkajian yang terperinci agar sistem pembelajaran di sekolah rendah dan menengah di susun semula dengan menyertakan di dalamnya anggota-anggota dari golongan alim ulama yang berfungsi memberi bimbingan ke arah masyarakat beragama dalam menghadapi cabaran hidup kebendaan yang kian berpengaruh di masa hadapan. Ini kerana beliau begitu yakin bahawa berpegang teguh kepada agama dalam

³⁹⁷Yusof Rawa (1973), “Pembentukan Teknologi Dan Saintis”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 5 & 6, jil.4, 15 April/1 Mei 1973 bersamaan 11/27 Rabiul Awal 1393, h. 30.

³⁹⁸*Ibid.*

³⁹⁹*Ibid.*

segala lapangan menjadi elemen terpenting dalam menikmati ketenteraman dan ketenangan hidup.

“Percayalah! Bahawa yang akan lebih menjamin ketenteraman di dalam kehidupan dan penghidupan manusia ialah berpegang teguh dengan keimanan bertuhan...”⁴⁰⁰

Dan sikap menuding jari serta saling tuduh menuduh bukanlah jalan penyelesaian terbaik. Apa yang lebih utama ialah mencari punca dan sebab-akibat segala permasalahan tersebut timbul. Contohnya di dalam sistem pembelajaran tulisan Jawi. Kemerosotan penggunaan tulisan Jawi di kalangan pelajar Melayu perlu kepada pengkajian secara terperinci. Setiap organisasi tidak perlu saling salah menyalahi antara satu sama lain. Segala permasalahan yang timbul perlu *“dicari punca-punca kesalahan, punca kerosakan atau punca penyakit secara betul-betul”⁴⁰¹* agar usaha pembaikan dapat dilaksanakan dengan efektif dan produktif.

“...menyalahkan lantai terjungkit tidaklah akan memandaikan menari. Begitu juga menyalahkan orang-orang Melayu dalam permasalahan kemerosotan tulisan Jawi, sebab ternyata mereka sendiri tidak begitu bersemangat. Tetapi tentu baik kalau kita cari jawapan kepada soalan: Mengapa mereka tidak bersemangat?. Dan kalau ada timbul lagi soalan berikutnya. Carilah jawapan sehingga sampai kepada satu kesimpulan yang benar-benar efektif dan produktif untuk dilaksanakan”⁴⁰²

Tidak selayaknya lagi kita menggunakan dasar pendidikan yang diperkenalkan oleh Barat. Tambahan pula dengan peredaran masa dan zaman telah membentuk cara berfikir. Manusia sentiasa berfikir ke arah kemajuan iaitu bagaimana untuk mencapai kesejahteraan di dalam hidup. Penggabungan di antara pendidikan Islam dengan matapelajaran sains dan teknologi merupakan

⁴⁰⁰*Ibid.*

⁴⁰¹Yusof Rawa (1971), “Memperbaiki Atau Mengubati”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 8, jil.2, 1 Jun 1971 bersamaan 7 Rabiul Akhir 1391, h. 3.

⁴⁰²*Ibid.*

suatu idea yang amat baik kerana sains itu merupakan salah satu dari cabang ilmu agama. Namun ramai yang tidak menyedarinya. Walaupun ia bersifat sains, namun al-Quran sendiri telah membincangkannya panjang lebar. Contoh yang nyata ialah bagaimana al-Quran menggambarkan bagaimana manusia itu diciptakan, namun sains agak terkemudian untuk menemuinya. Dan kedua-dua ilmu ini sebenarnya saling berkait rapat dan saling menguatkan lagi hujah di antara kedua-duanya.

Melalui dasar pendidikan negara ini juga, terdapat satu artikel yang dmuatkan mengenai perubahan sistem pembelajaran di sekolah-sekolah Arab di sekitar Kelantan.⁴⁰³ Di dalam laporan tersebut, Tengku Sri Utama Raja Yang Dipertua Majlis Agama Islam, Kelantan menyatakan perubahan ini merupakan satu revolusi dalam pendidikan Islam bagi menggantikan sistem pendidikan yang lapok dan ketinggalan zaman. Oleh itu melalui revolusi pendidikan ini terdapat empat perkara yang dapat disimpulkan. (i) walaupun berlaku perubahan, namun nilai-nilai keagamaan masih dikekalkan yang menjadi asas kepada keperibadian sekolah-sekolah agama dengan memberi pelajaran dan pendidikan agama yang sebaik-baiknya untuk menghadapi peperiksaan lembaga peperiksaan sekolah-sekolah agama Kelantan. (ii) Membolehkan para pelajar menguasai dua bahasa asing sekaligus iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. (iii) Memasukkan matapelajaran akademik di dalam sesi pembelajaran. Ini adalah agar para pelajar akan dapat menduduki PMR, SPM, STPM dan memasuki universiti tempatan atau menyambung pengajian di Timur Tengah. (iv) Memberi didikan akhlak dan tata tertib keislaman untuk memainkan peranan aktif sebagai belia yang berguna kepada bangsa dan negara serta menjadi pemimpin Islam yang berguna di masa hadapan.

⁴⁰³ Ismail Awang (1970), "Sistem Baru Sekolah-Sekolah Arab Kelantan", *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 22, jil.1, 31 Disember 1970 bersamaan 3 Zulkaedah 1390, h. 15.

2.4 Institusi Pengajian Tinggi

Dalam isu pendidikan ini juga seorang tokoh islah, Prof. Dato' Dr. Engku Umar Ahmad, Bekas Pengerusi Kolej Islam Malaya yang juga seorang ahli sains Islam di Asia Tenggara, meluahkan rasa amat kecewa dengan kemunduran pelajaran tinggi di kalangan orang-orang Islam ketika berlangsungnya *Seminar Peradaban Islam Semalaysia* yang berlangsung pada 15 hingga 17 Julai 1967.

“Di Malaysia ini, kemunduran pelajaran tinggi di antara kalangan orang-orang Islam sangatlah mengecewakan dan sangat dirasakan...”⁴⁰⁴

Namun sebelum menyuarakan kekecewaannya, beliau menyarankan agar didirikan sebuah universiti Islam yang dinyatakannya di dalam kertas kerja bertajuk “Konsep Universiti Islam Di Malaysia”. Maka menurutnya haruslah bagi kita mengikut contoh al-Azhar, Aghligar dan Uthmanian yang melakukan dasar perubahan di dalam sistem pendidikan sejajar dengan perubahan zaman. Dan bagi calon-calon mahasiswa dan bahasa pengantar yang harus digunakan di universiti mestilah terdiri dari calon-calon mahasiswa dari sekolah-sekolah menengah yang menggunakan bahasa pengantar Arab, Melayu dan Inggeris.

Di samping itu, dengan tertubuhnya beberapa buah pertubuhan telah mengamatkan lagi suasana islah ketika itu. Contohnya PKPIM di antara pertubuhan Islam yang agresif menuntut agar pihak kerajaan membuat perubahan ke atas dasar sedia ada agar lebih bersifat keislaman. Perkara lain juga telah dibentangkan bagi memenuhi kepentingan umat Islam semasa. Antaranya meliputi keperluan pelajar-pelajar Melayu dalam melanjutkan

⁴⁰⁴Prof. Dato' Dr. Engku Umar Ahmad (1970), “Bila Dan Manakah Universiti Islam Malaysia? Nyalakanlah Semangat 15 Julai 1967”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 11, jil. 1, 15 Julai 1970 bersamaan 11 Jamadil Awal 1390, h. 19.

pelajaran ke pusat pengajian tinggi yang bersifat islamik di samping pemberian biasiswa dan lain-lain lagi. Selain itu, tuntutan turut melibatkan pentadbiran di peringkat sekolah, di mana pihak pertubuhan mendesak agar pihak kerajaan mengambil alih sekolah-sekolah agama rakyat dari kerajaan negeri dan memasukkan mata pelajaran agama di sekolah-sekolah umum kerajaan, menyusun semula buku-buku agama, menubuhkan Maktab-maktab Perguruan Agama Islam dan mengiktiraf penubuhan Kolej Islam Malaya sebagai sebuah Kolej Universiti. Kesemua ini dibincangkan adalah bertujuan untuk menyediakan lebih banyak peluang kepada para pelajar Melayu mengikuti program pengajian tinggi.

2.5 Sains Dan Teknologi

Dalam menyatakan aspek kemodenan, Tuan Haji Yusof Rawa sekali lagi menegaskan kepada kita bahawa Islam itu tidak pernah menolak kemajuan yang mendatang. Namun seperti yang telah kita ketahui bahawa terdapat pernyataan yang menyatakan Barat menjadi maju apabila meninggalkan agamanya (Kristian), manakala masyarakat Islam mundur akibat meninggalkan agamanya (Islam):

Tiap-tiap sekalian telah sedar lagi insaf bahawa umat Islam di mana-mana pun mereka berada – sekiranya hendak maju, kuat lalu dihormati lagi disegani – mestilah kembali berpegang teguh kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Itulah sahaja sebabnya umat Islam yang terdahulu mendaki kemuncak, maka apa yang telah mendorong mereka mendaki, itulah jua yang dapat menolak maju ke hadapan umat Islam sekarang kini...⁴⁰⁵

Beliau berpendapat tidak salah sekiranya kita searus dengan kemodenan yang mendatang. Kita tidak seharusnya melawan arus kematangan dunia.

⁴⁰⁵Yusof Rawa (1973), "Kita Tidak Kesendirian", *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 12 & 13, jil.4, 15 Julai, 1/15 Ogos 1973 bersamaan 14 Jamadil Akhir, 2/16 Rejab 1393, h. 4.

“...kemodenan tidak akan menghilangkan teras Islam dan amalannya bahkan dapat dimanfaatkan dari segi teknologi dan penampilan gaya hidup yang lebih bersesuaian dengan arus ketika itu. Untuk memajukan diri umat Islam ialah dengan mereka keluar dari kepompong fahaman ortodoks kepada keterbukaan pemikiran dengan tetap mengekalkan teras prinsip sebagai Muslim.”⁴⁰⁶

Dalam menyatakan jalan penyelesaian agar manusia itu tidak terseleweng dalam menerajui perkembangan kemodenan, seharusnya setiap perkara itu dikaji, dipelajari, diselidiki dan difahami mengenai kesan baik dan buruknya setiap sesuatu itu dicanai:

“Dalam merebuti yang baiknya pula, seharusnya tetap waspada sebab di dalam kemajuan-kemajuannya itu ada pula sudut-sudut yang hitam, iaitu sudut yang berbentuk falsafah, kejiwaan dan akhlak. Kita hanya pantas menerimanya setelah mengkaji, mempelajari, menyelidiki dan memahami kebbaikannya. Ini adalah perkara yang seharusnya dipertanggungjawabkan kepada yang ahli, bukanlah sembarangan sahaja”.⁴⁰⁷

Bagi membicarakan soal kemajuan sains yang sering dibanggakan oleh generasi Barat, Tuan Haji Yusof Rawa menyatakan dengan sejelas-jelasnya bahawa Islam tidak pernah sama sekali menolak teori-teori yang dihasilkan oleh sains. Malah pelajar Islam digalakkan mempelajari ilmu sains untuk dijadikan alat dalam memahami al-Quran dan mengenali Penciptanya. Namun apa yang terjadi pada hari ini, terdapat suatu kekeliruan yang nyata dalam mengenal erti sains yang sebenarnya:

“Kita tertarik berbicara mengenai sains, kerana meningkatkan umat kita, supaya jangan ada yang terlebih dalam golongan-golongan atau puak-puak prasangka bahawa Islam menghalangnya. Prasangka-prasangka itu adalah akibat dari

⁴⁰⁶ Mujahid Haji Yusof Rawa (2001), *op.cit.*, h. 28 & 29.

⁴⁰⁷ Yusof Rawa (1972), “Sepanjang Manakah Lagi... Kiranya?”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 9 & 10, jil.3, 15 Jun/1 Julai 1972 bersamaan 4/19 Jamadil Awal 1393, h. 14.

*kekeliruan dan usaha-usaha halus yang mahu membendung kemajuan kita malah sampai menghapuskan kita sebenarnya”.*⁴⁰⁸

Oleh itu, berdasarkan kenyataan di atas jelas membuktikan kepada kita bahawa Islam tidak pernah menghalang apa jenis kemajuan pun selagi tidak melanggar hukum syariat. Namun sebelum kita menggunakan sesuatu kemajuan sains itu, perlulah dilakukan kajian-kajian dan penyelidikan agar kelak mendatangkan manfaat kepada masyarakatnya. Ini kerana jika tidak dikaji terlebih dahulu ditakuti ia akan memberi kesan buruk kepada kehidupan manusia dan juga alam sekitar. Contohnya kini, banyak haiwan seperti tikus menjadi bahan uji kaji terhadap pelbagai jenis ubatan sebelum ia dipraktikkan kepada manusia. Jika ubatan yang diberikan kepada tikus tidak mendatangkan kesan yang baik, maka diandaikan bahawa penemuan tersebut gagal untuk dipasarkan. Sikap berhati-hati itu amat penting ditekankan agar kita tidak menggunakan kemajuan sains itu sewenang-wenangnya tanpa dipantau oleh pihak berkuasa.

Di dalam membicarakan isu kesopanan dan kesusilaan, beliau menyatakan dengan panjang lebar mengenainya. Beliau berpendapat bahawa hasil daripada perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi telah melonjakkan manusia ke peringkat yang belum pernah terjadi sehingga manusia berasa bangga dengan pencapaian yang diperolehi. Sesungguhnya memang beliau mengakui hakikat akan kemajuan yang dibawa oleh hasil pencapaian tersebut, namun menurutnya lagi, kita terlalu bebas diajar dalam mengenal tentang ilmu pengetahuan yang dikatakan suatu yang berhikmah sekali bagi

⁴⁰⁸Yusof Rawa (1970), “Kita Dan Sains”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 11, jil.1, 15 Julai 1970 bersamaan 11 Jamadil Awal 1390, h. 3.

memperoleh kebahagiaan, kebaikan dan kekayaan. Akhirnya ganjaran yang terpaksa diterima oleh kita pada hari ini amat mengecewakan:

“...dalam aspek kesejahteraan, keamanan dan kedamaian telah menjunam turun lalu membenam lesap entah ke mana, gantinya haru-hara, kepincangan hidup, keburukan akhlak, kemusnahan kesopanan, kekecewaan kemanusiaan mengambil tempat begitu hebat sekali, rupa-rupa kurang siuman meracuh-racuh tumbuh, di sana sini”.⁴⁰⁹

Beliau menambah lagi, masyarakat hari ini tidak ubah seperti masyarakat yang berada di atas rakit yang terapung-apung di tengah-tengah samudera raya, jika keadaan rakit tidak seimbang nescaya kita akan terbalik dan karam di lautan penuh noda:

*“Seolah-olah semua perkembangan ilmu pengetahuan ini, semata-mata buat memecut perkembangan haru-hara belaka, seolah-olah semua kemajuan teknologi ini, tertentu untuk melucut perkembangan keributan dan kekecewaan semata-mata. Kita seolah-olah terletak di atas rakit yang terapung-apung di tengah-tengah samudera raya...”*⁴¹⁰

“Satu manusia membunuh manusia yang lain, satu kumpulan memusnahkan kumpulan yang lain, satu bangsa menghancurkan bangsa yang lain, berbunuh-bunuhan manusia maju ini, merompak, menyamun harta benda, merampas negeri negara. Alat-alat pembunuhan, penghancuran malah alat-alat semua itu tadi ialah hasil dari kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi juga”.⁴¹¹

Seterusnya, beliau sedikit sebanyak memberikan penyelesaian kepada permasalahan ini. Menurutnya walaupun kita tidak dapat membendung bayangan kemerosotan seperti yang berlaku pada orang yang maju itu yang sudah bergelanggang, namun sekiranya manusia kembali kepada Islam, semua permasalahan ini akan dapat dibendung. Islam mengutamakan kesederhanaan.

⁴⁰⁹Yusof Rawa (1970), “Kita Dan Kesopanan Serta Kesusilaan”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 22, jil. 1, 31 Disember 1970 bersamaan 3 Zulkaedah 1390, h. 3.

⁴¹⁰*Ibid.*

⁴¹¹*Ibid.*

Dan akhlak yang baik adalah bukti kesempurnaan manusia dalam memandu keseimbangan di antara peranan intelektual dan spiritual.

“Pengajaran ilmu pengetahuan dan teknologi ialah pendidikan akal fikiran (intelektual) dan pengajaran [kesempurnaan akhlak yang mulia] pula ialah pendidikan jiwa (spiritual) yang tak melalaikan pendidikan akal fikiran dan pendidikan anggota badan”...kita merasakan satu kesepian yang terlalu mengerunkan pada bidang kejiwaan (spiritual), bidang kesopanan dan kesusilaan...”⁴¹²

“Di dalam mengejar kemajuan, hendaknya janganlah kita dipecut dengan hendak mendapatkan hasil kebendaan yang sebaik-baiknya. Tersilap jua kebanyakan kita yang mengertikan bahawa mencapai kemakmuran itu adalah dengan memiliki sebanyak-banyaknya harta kekayaan...dan itulah tujuan yang terakhir...Islam memandang manusia ini, sejahtera hidupnya terdiri daripada dua segi yang terpenting: Jasmani dan rohani, fizikal dan spiritual, menghendaki kedua bidang ini diberi perhatian yang sama berat untuk kebahagiaannya”⁴¹³

Menurutnya lagi, umat Islam yang inginkan kemajuan tidak seharusnya aliran fahaman asing sebagai acuan dalam mencari kesempurnaan kemodenan. Ini kerana, Islam adalah agama yang telah lengkap dalam menapaki pelbagai bidang pembangunan:

“Umat Islam ini dalam menuju kemajuan dan kesempurnaannya tidaklah memerlukan aliran fahaman asing, kerana pada Islam lengkap pimpinan dan pertunjukannya tidak perlu menapaki setiap tapak yang dilangkahakan oleh orang-orang yang dikatakan sudah maju itu...”⁴¹⁴

Justeru itu dalam menghadapi kemajuan sains dan teknologi itu, masyarakat juga perlu dititikberatkan dengan pelajaran agama Islam. Pendidikan Islam menjadi teras pembentukan akhlak yang baik agar kemajuan yang dinikmati tidak diselewengkan dengan anasir-anasir jahat seperti penciptaan

⁴¹²*Ibid.*, h. 17.

⁴¹³Yusof Rawa (1973), “Kesedaran Beragama”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 3 & 4, jil.4, 15 Mac/1April 1973 bersamaan 9/26 Safar 1393, h. 4.

⁴¹⁴Yusof Rawa (1972), “Sepanjang Manakah Lagi...Kiranya?”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 9 & 10, jil.3, 15 Jun/1 Julai 1972 bersamaan 4/19 Jamadil Awal 1393, h.14.

nuklear. Ada sebahagian manusia yang dikurniakan kepandaian dalam lapangan sains dan teknologi telah tersasar. Ada yang mencipta senjata-senjata dan bom nuklear bertujuan untuk menunjuk-nunjuk dengan mensasarkannya kepada negara-negara lawan, bagi membuktikan kehebatannya.

3. Isu Politik

Dalam cabaran globalisasi kini, *al-Islah* turut membincangkan mengenai beberapa perkara yang dianggap penting bagi membantu masyarakatnya agar sedar dan sentiasa terarah ke arah kebaikan. Berdasarkan analisis yang dijalankan oleh pengkaji, bahagian ini terdapat beberapa topik yang akan dikupas berdasarkan isu-isu yang berbangkit pada ketika itu. Antaranya ialah (i) sistem politik, (ii) kritik dan (iii) jumlah penduduk.

3.1 Sistem Politik

Seorang penyair di dalam syairnya bertajuk “*Mencari Keadilan*”⁴¹⁵ ada menyatakan mengenai mengapa manusia itu tidak dapat hidup jika tidak mengamalkan konsep keadilan di dalam kehidupan bermasyarakat.

*Berliku berlurah... luas terbentang,
Sudah ku jelajah,
Ku mencari keadilan...
Untuk kepuasan dan kebebasan.
Dunia penuh dengan noda,
Penuh dengan tipu daya dan berpura-pura,
Mereka mabuk harta... gila kuasa,
Wang dan nyawa dijadikan umpannya.
Kerdil buta...
Tak mengerti itu semua,
Menjadi mangsa...
Untuk menegakkan takhta dan nama.
Dunia penuh dengan noda,
Di sana sini bergelimpangan,
Darah merah mengalir dari badan,
Akibat serpihan senjata tajam.*

⁴¹⁵ Abu Samah Majid (1970), “Mencari Keadilan”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 6, jil. 1, 1 Mei 1970 bersamaan 24 Safar 1390, h. 16.

*Cetusan...
Peperangan...
Gila kuasa...
Di manakah letaknya KEADILAN!?.*

Akibat kegilaan kepada kuasa, maka manusia sanggup mengeneipkan sifat keadilan kepada setiap manusia yang lain. Manusia akan cuba berlumba-lumba untuk mencari kesenangan hidup dengan jalan singkat. Penindasan, peperangan dan rasuah menjadi unsur perpecahan umat Islam. Semenjak dari awal lagi, soal keadilan sering menjadi persoalan utama di dalam kalangan masyarakat. Penafian hak-hak terhadap diri dan masyarakat menjadi faktor utama berlakunya ketidakadilan.

Melantik seorang pemimpin itu merupakan suatu tugas yang amat berat untuk dipikul. Orang yang melantik harus bertanggungjawab ke atas undiannya, manakala pemimpin yang telah diamanahkan untuk memimpin wajib menjalankan tanggungjawab tersebut dengan seadil-adilnya tanpa mengira kaum, bangsa dan warna kulit. Dalam sejarah perantikan Abu Bakar as-Siddiq sebagai pemimpin pertama di dalam sejarah Islam selepas kewafatan Rasulullah s.a.w, semua calon yang dilantik telah mengundurkan diri kerana merasakan diri mereka tidak layak dan tidak mampu untuk memikul tanggungjawab yang amat besar dalam memimpin umat Islam. Pemimpin itu perlu adil dalam merangka, memutuskan dan melaksanakan sesuatu perkara lebih-lebih lagi berkait soal hukum.

Selain pemimpin, rakyat yang dipimpin juga perlu bersikap adil kepada para pemimpin. Rakyat perlu taat kepada pemimpin yang adil dan sentiasa mematuhi arahan yang diberikan agar tidak timbulnya gejala tidak sihat di antara keduanya. Mengenai perkara ini, Abu Mujahid ada menyatakan di dalam rencananya berjudul "Dari Dialog Dalam al-Quran: Di Antara Pemimpin-

Pemimpin Dengan Pengikut-Pengikut Mereka”.⁴¹⁶ Rencana ini membicarakan mengenai pentingnya menjadi seorang pemimpin yang adil dan amanah di dalam pentadbirannya dan rakyat juga seharusnya patuh dengan kepimpinannya selagi pemimpin itu berpegang teguh pada jalan Allah. Oleh itu melalui rencana ini penulis telah mengupas beberapa buah ayat al-Quran yang menceritakan mengenai balasan kepada para pemimpin dan pengikut yang tidak memenuhi hak masing-masing di dalam urusannya di dunia.

Oleh itu, para pemimpin hendaklah berlaku adil di dalam urusan kepimpinannya. Manakala di kalangan rakyat pula, mereka wajib mentaati para pemimpin yang adil dalam usaha membina suatu binaan yang kukuh. Di tambah pula, ketika itu berlakunya musim pilihanraya, maka artikel ini sememangnya sesuai untuk dibentangkan kepada umum sebagai suatu penelitian kepada corak kepimpinan yang diharuskan di dalam Islam.

3.2 Kritik

Dalam memperkatakan mengenai hal politik tanah air, artikel bertajuk “*Kritik*” menjadi agenda dalam memberikan teguran dan nasihat secara berhemah kepada setiap ahli pertubuhan dan persatuan Islam. Kupasan Hassan Haji Syukri B.H. memberikan kupasan mengenai saranan yang diberikan oleh Abu al-A’la al-Maududi dalam usaha membawa ke arah mengerakkan umat Islam seluruhnya ke arah perpaduan yang luhur lagi aktif dalam segenap lapangan dan bidang.

Abu al-A’la al-Maududi telah menggariskan enam kaedah yang boleh dipraktikkan dalam memberikan kritikan terhadap individu atau organisasi

⁴¹⁶ Abu Mujahid (1973), “Dari Dialog Dalam Al-Quran: Di Antara Pemimpin-Pemimpin Dengan Pengikut-Pengikut Mereka”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 11, 12 & 13 jil. 4, 15 Julai, 1/15 Ogos 1973/ 14 Jamadil Akhir, 2/16 Rejab 1393, h. 10-11.

tertentu. Antaranya ialah (i) Janganlah melakukan kritik-mengkritik pada setiap waktu atau ketika berada di dalam majlis-majlis tertentu. Sebaliknya ia hendaklah dilakukan di dalam satu majlis khas dengan adanya kebenaran atau permintaan daripada ketua persatuan. (ii) Para pengkritik juga dikehendaki sentiasa istiqamah di dalam dirinya sebelum bersedia untuk mengkritik terhadap sesuatu perkara (yang hendak dikritiknya) serta beriktikad, bahawa Allah akan menyaksikan segala perbuatannya, dan hendaklah menimbang dan memikirkan adakah tujuan kritikan itu berniat ikhlas atau sekadar menjatuhkan seseorang. (iii) Pengkritik juga perlu menggunakan bahasa atau pertuturan yang baik dalam setiap kritikan agar ia nampak menarik perasaan dan jiwa seluruh pendengarnya bahawa dia sebenarnya bercita-cita untuk membina dan memperbaiki – bukan untuk mencari nama atau kemasyhuran. (iv) Setiap pengkritik hendaklah terlebih dahulu meyakinkan dirinya sendiri sebelum dia menggerakkan lisannya (lidahnya) bagi melakukan sesuatu kritikan, bahawa kritikan dan teguran-teguran itu adalah berasaskan kepada kebenaran jua. Ini kerana menurut Abu al-A'la al-Maududi:

*“Jika kamu melakukan kritikan-kritikan atau teguran-teguran dengan tidak berfikir terlebih dahulu, boleh jadi kamu akan terjatuh ke jurang kesalahan (dosa), yang dengan kerananya akan menimbulkan beberapa kerosakan (kefasadan) di muka bumi ini”.*⁴¹⁷

Kemudian beliau menyambung dengan memberi teguran kepada orang yang dikritik pula. Menurutnya yang ke (v), kepada orang yang dikritik, hendaklah dia mendengar segala kritikan atau teguran yang dituju kepadanya dengan penuh sabar dan tenang, serta memikir dan memerhatikannya dengan penuh pertimbangan yang adil lagi saksama. Kemudian hendaklah dia mengakui segala apa jua kritik atau teguran yang hak dan membina, serta menolak

⁴¹⁷Hassan Haji Syukri B.H. (1973), “Kritik”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 1 & 2, jil. 4, 15 Februari dan 1 Mac 1973 bersamaan 11/26 Muharram 1393, h. 17-18.

teguran-teguran yang lainnya dengan cara membentangkan hujah-hujah tentang penolakannya itu. (vi) Hendaklah perdebatan dan soal jawab dalam siri kritiknya itu tidak berlanjutan, supaya jangan sampai timbul perasaan benci-membenci serta dendam (hasad) di antara setengah golongan dengan golongan-golongan yang lainnya. Segala pokok perbincangan hendaklah dihentikan kepada jalan penyelesaian. Dan sekiranya tidak mendapat sebarang penyelesaian, perlulah ditangguhkan majlis tersebut bagi memberi ruang dengan mengadakan majlis perdebatan yang akan datang untuk mencari kesepakatan dan perpaduan di kalangan umat.

Inilah di antara garis panduan yang dihuraikan oleh Abu al-A'la al-Maududi dalam majlis perdebatan. Setiap individu atau kelompok harus memberi ruang kepada usaha pengkritikan agar apa yang hendak dilaksanakan membawa kemaslahatan kepada semua. Tambah beliau lagi, orang yang tidak mahu dikritik itu adalah manusia yang sombong dan angkuh terhadap dirinya sendiri.

“Sesungguhnya benci kepada kritik dan menzahirkan kemarahan serta kejijikan terhadapnya adalah dalil yang nyata atas ketakburan dan keangkuhan/kesombongan seseorang manusia...”⁴¹⁸

Berdasarkan apa yang dinyatakan Abu al-A'la al-Maududi tersebut, jelas membuktikan kepada kita bahawa, pentingnya diadakan majlis-majlis ilmu, dialog peradaban, majlis perdebatan dan sebagainya bagi bertukar-tukar pendapat dan dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada dengan adanya aktiviti kritik mengkritik. Contoh yang jelas di sekeliling kita ialah mengenai sains dan teknologi. Kereta yang berkualiti dan bermutu tinggi pastinya telah banyak menerima kritikan yang membina sebelum ianya dikeluarkan kepada para

⁴¹⁸*Ibid.*

pengguna. Begitu juga halnya dalam sistem pentadbiran. Sebelum melaksanakan sesuatu dasar, usul-usul tersebut hendaklah terlebih dahulu dibentangkan di dalam mesyuarat kabinet bagi mengkaji kelemahan-kelemahan yang ada agar kelak tidak menimbulkan sebarang masalah di kemudian hari.

3.3 Jumlah Penduduk

Al-Islah juga turut mengupas pendapat yang diberikan oleh Khurshid Ahmad, seorang penulis dari Pakistan yang banyak menulis buku-buku mengenai Islam. Beliau yang merupakan Setiausaha Pusat Penyelidikan Akademi menyatakan bahawa, masyarakat timur pada hari ini telah begitu terpengaruh dengan budaya Barat yang menyarankan agar melakukan pembatasan kelahiran di dalam institusi kekeluargaan. Menurut Kurshid Ahmad, tujuan Barat menyebarkan fikiran mengenai pembatasan kelahiran anak atau rencana keluarga ke negara timur berkait rapat dengan unsur politik. Barat menganggap dengan pertambahan jumlah penduduk di benua timur akan menjadi faktor penghalang kepada kekuasaan sesebuah negara.

“Bahawa berkurangnya pertambahan penduduk di benua Eropah dan meningkatnya pertambahan jumlah penduduk di benua timur umumnya, dianggap oleh benua Eropah sebagai penghalang terhadap keagungan politiknya”.⁴¹⁹

Berdasarkan kenyataan di atas membuktikan kepada kita bahawa dasar yang diperkenalkan oleh Barat kepada masyarakat Timur merupakan suatu agenda jangka masa panjang dalam melemahkan kekuatan umat Islam. Agama Islam sendiri pernah menyatakan bahawa, Islam menyarankan agar umatnya sentiasa bertambah baik. Oleh itu, pembatasan atau perancangan keluarga dengan diperkenalkan pil-pil perancang, suntikan dan mengikat sistem

⁴¹⁹ Majlis Dakwah Islamiah Indonesia (1970), “Rencana Keluarga”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 7, jil. 1, 15 Mei 1970 bersamaan 9 Rabiul Awal 1390, h. 12.

peranakan merupakan antara cara mengurangkan bilangan zuriat. Dewasa ini ramai yang menyatakan bahawa perlunya merancang sesebuah keluarga dengan menghadkan bilangan anak mengikut kehendak masing-masing. Mereka beranggapan bahawa kehidupan di bandar-bandar memerlukan perbelanjaan yang besar bagi menampung keperluan anak-anak, makakaedah merancang akan dapat mengurangkan kos perbelanjaan.

Namun sebagai hamba Allah, kita perlu sedar bahawa ajal, maut, jodoh dan rezeki semuanya terletak di tangan Tuhan Yang Maha Esa. Manusia hanya mampu merancang hanya Allah yang akan menentukanNya. Dalam Islam juga, Allah telah menegaskan bahawa setiap anak yang dilahirkan ke dunia ini pasti disertai dengan rezekinya sendiri. Allah telah mencatatkan rezeki setiap hambanya yang dilahirkan ke dunia ini. Janganlah kita takut dengan kelahiran bayi itu, rezeki kita akan berkurangan. Selain itu, dengan bertambahnya bilangan penduduk akan menentukan tahap kecekapan rakyatnya dalam menghasilkan teknologi. Dengan adanya sejumlah pakar akan dapat membantu perkembangan senjata nuklear dan menjadi keutuhan sesebuah negara. Penduduk yang ramai dan maju akan menjadi masyarakat yang bertamadun dan menjadi ikon kepada negara-negara lain untuk meningkatkan taraf penduduknya.

“...pentingnya jumlah penduduk adalah satu kenyataan yang tak dapat dibantah. Kekuatan yang akan menang di masa depan adalah negara-negara yang memiliki penduduk yang banyak di samping memiliki kemampuan teknik ... dalam taraf perjuangan selanjutnya, jumlah penduduk itu akan menentukan perkembangan kemajuan senjata nuklear...”⁴²⁰

Oleh itu, keadaan ini perlu dijelaskan segera kepada masyarakat umum kerana kini ia semakin menular. Ramai di kalangan ibu bapa yang sudah

⁴²⁰*Ibid.*

menggunakan kaedah-kaedah yang dinyatakan di atas sebagai persediaan untuk perancangan keluarga. Islam tidak bersikap keras kepada mereka yang ingin merancang keluarga, namun perbuatan itu perlulah dilihat dari pelbagai sudut seperti dari sudut kesihatan ibu dan anak atau lain-lain hal yang boleh mendatangkan mudarat kepada ibu, anak atau kedua-duanya.

Dan di bawah topik ini juga, setelah berlakunya pertambahan jumlah penduduk yang ramai, pasti akan timbul pelbagai persengketaan dan peperangan jika ia tidak diurus dengan baik. Mengurus sesebuah organisasi dalam jumlah yang besar bukanlah suatu tugas yang mudah. Ia perlu kepada ilmu untuk mengekalkan kesejahteraan dan keamanan negara. Menurut Jaliluddin Melaka, untuk mengekalkan kemakmuran sesebuah negara perlunya kepada suatu usaha yang bersungguh-sungguh dari semua pihak dalam menyemai nilai keimanan dan keelokan budi pekerti.

“...mencari jalan keluar bagi menyelamatkan generasi-generasi akan datang maka tidak ada pemberian yang paling berharga, melainkan bingkisan iman dan budi pekerti ketuhanan. Inilah yang didedahkan dan diharap-harapkan oleh umat manusia, bingkisan inilah yang tak sanggup disediakan oleh tamadun sekarang ini. Kerana tamadun ini sendiri pun meleset dan lemah sendi anggotanya.”⁴²¹

Menurutnya lagi, betapa perlunya dakwah Islamiah ini diperhebatkan kembali di tengah-tengah bangsa dan benua tandus yang kehilangan punca dalam mencari tujuan hidup yang sebenar. Dan dalam mengerakkan usaha ini, ia memerlukan perombakan secara menyeluruh terhadap pelbagai aspek terutama *“aspek pendidikan ketuhanan dalam sistem pelajaran hari ini, yang tidak lebih sebagai pendidikan ketuhanan olok-olokan sahaja yang menyebabkan akhirnya*

⁴²¹ Jaliluddin Melaka (1970), “Ke Arah Keharmonian Dan Kesejahteraan”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 9, jil. 1, 15 Jun 1970 bersamaan 11 Rabiul Akhir 1390, h. 7.

*generasi-generasi sekarang sanggup bangun menentang dan tidak mempercayai tuhan yang mencipta alam.*⁴²²

Langkah untuk menyebarkan dakwah ini dapat dijayakan setelah dilakukan kerahan tenaga terhadap dunia Islam. Dari pemerintah sehingga kepada golongan cerdik pandai yang pakar dalam ilmu dakwah berganding bahu dalam mencapai ke arah keharmonian dan kesejahteraan. Dan satu-satunya jalan menuju perpaduan jiwa dan kepercayaan yang tidak lagi akan mementingkan darah keturunan atau darjat ialah di bawah satu kalimah *lā illāh hā illah Allāh Muhāmmad rasūlullāh*.

Memandang kepada tanah air pula dalam pengertian keamanan, beliau menyatakan dengan adanya usaha rakyat dan pemerintah untuk mewujudkan keharmonian negara bukanlah suatu usaha yang mudah. Ini kerana usaha untuk menyalurkan keamanan dan kesejahteraan itu berkait rapat dengan usaha penyaluran dakwah Islamiah, tidak ada perkara yang tidak boleh dilakukan, yang ada hanyalah “*mahu atau tidak mahu sahaja, sedangkan pelbagai tenaga yang kalau dikerahkan dalam tempoh seminit sahaja boleh terkumpul dan digerakkan*”.⁴²³ Alat-alat perhubungan, penyiaran, penerangan, kewangan, masa dan tenaga manusia yang terdiri dari kader dakwah perlulah diorganisasikan di bawah satu pimpinan yang dinamik dan bebas dari sebarang anasir asing yang sudah pasti akan membawa perubahan yang besar dalam dunia Islam dan rakyat seluruhnya.

Beliau menyambung lagi sebagai satu kesimpulan umum, beliau memberikan beberapa langkah yang perlu diambil perhatian oleh kerajaan dalam

⁴²²*Ibid.*

⁴²³*Ibid.*

meningkatkan usaha dakwah di Malaysia. (i) Kerajaan mestilah mengambil peranan utama dalam membiayai organisasi dakwah ini, serta memberikan peluang atau kemudahan-kemudahan dalam penyaluran, penerangan seperti televisyen, radio dan percetakan kerajaan. (ii) Menyediakan kader-kader dakwah yang dinamik, terdiri dari pemuda-pemuda Islam dan saudara-saudara baru dengan membuka pusat-pusat atau kelas-kelas dakwah yang lengkap, supaya mereka ini selain dari mempunyai kemahiran di bidang dakwah, mereka juga mempunyai bakat dan kecekapan dalam mentadbir. (iii) Tugas suci ini hendaklah didukung oleh mereka yang bebas dari sebarang ikatan, jawatan dan fahaman politik. Mereka hendaklah diberi peruntukan sara hidup bulanan, supaya mereka dapat menumpukan sepenuh masa, tenaga dan fikiran di bidang kegiatan dakwah. (vi) Mempunyai pengetahuan Islam, agama-agama kaum lain di negeri ini dan pengetahuan tentang tamadun Islam dan Barat, serta berkebolehan sekurang-kurangnya dalam dua bahasa, Inggeris dan Cina. (v) Sifat-sifat pimpinan yang dapat dijadikan contoh teladan dan lain-lain lagi. Akhir sekali dengan tegas beliau menyatakan bahawa:

*“Kalau negara Rom sanggup menjadi tulang belakang kegiatan pengembang-pengembang Kristian sedunia, mengapa pula dan apa halangan-halangnya yang tidak membolehkan kerajaan Malaysia mengambil peranan tegas bagi menyegerakan melicinkan perjalanan dakwah ini?. Jadi bagaimana sanggupnya kerajaan mengongkosi santapan-santapan jasmani rakyat melalui rencana-rencana yang berbagai-bagai ragam, begitu pula hendaknya dalam rencana-rencana menyediakan santapan rohani, supaya kedudukan kebendaan dan moral iman menjadi seimbang”.*⁴²⁴

Ini kerana tidak ada jalan lain bagi pemerintah dan rakyat dalam melahirkan sebuah masyarakat dan negara yang harmoni lagi sejahtera melainkan dengan melalui dan memperbiakkan dakwah Islamiah di kalangan

⁴²⁴*Ibid.*, h. 14.

rakyat bukan Islam, iaitu satu-satunya cara Islam menghampirkan semangat keharmonian dan perdamaian antara bangsa, dan ini sudah dipraktik sejak 14 abad yang silam. Yang mana mahu atau tidak mahu, ini adalah kewajipan setiap orang dan umat Islam serta pemerintah sendiri.

Justeru itu dalam mengekalkan keamanan negara, semangat persaudaraan dan perpaduan itu amat diperlukan di dalam diri setiap insan. Menyatakan mengenai perpaduan merupakan suatu perkara yang mudah namun untuk melaksanakannya merupakan suatu usaha yang amat sukar untuk dicapai. Tidak mungkin individu lain dapat memaksa seseorang individu untuk menyayangnya tanpa adanya nilai-nilai murni di dalam dirinya. Ini kerana kasih sayang yang terpancar di dalam diri seseorang tidak boleh dijual beli, ia lahir atas ketulusan diri. Maka di sinilah peranan dakwah Islamiah untuk melahirkan sifat tulus dan ikhlas dalam melahirkan perpaduan di kalangan rakyat.

4. Hukum Dan Perundangan

Kedatangan pihak penjajah Barat ke Tanah Melayu secara tidak langsung telah mewujudkan undang-undang Inggeri dalam pentadbiran negeri-negeri yang dijajah. Pengaruh undang-undang Inggeris ini terus berkembang dan digunapakai hingga negara mencapai kemerdekaan. Keadaan ini telah menyebabkan undang-undang Islam tidak diletakkan pada tempat yang sewajarnya di dalam negara yang majoriti mengamalkan Islam sebagai cara hidup. Akhirnya undang-undang Islam telah disempitkan bidang kuasa dalam bidang pernikahan, perceraian, pembahagian harta pusaka dan hal-hal berhubung aspek kekeluargaan semata-mata.

Keadaan ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati kepada badan-badan, pertubuhan-pertubuhan dan tokoh-tokoh tertentu dalam usaha untuk mengembalikan semula perundangan Islam yang pernah dilaksanakan ketika sebelum tibanya

penjajahan Barat. Suara-suara sumbang mula kedengaran agar undang-undang Islam dimartabatkan semula. Dan salah satunya yang mengambil peranan ini ialah *Majalah al-Islah*. Jadi di dalam kajian ini, pengkaji akan mengupas pandangan dan kritikan yang dibincangkan di dalam *al-Islah*. Oleh itu, bagi membincangkan mengenai perundangan Islam ini pengkaji akan membahagikan kepada beberapa bahagian iaitu (i) bahagian rang undang-undang Islam dan (ii) persoalan hukum hakam.

4.1 Undang-Undang Islam

Perkara pertama yang dibincangkan di dalam makalah ini ialah mengenai perundangan Islam. Tuan Haji Yusof Rawa yang merupakan seorang pemimpin politik pernah menyatakan mengenai pentingnya perundangan Islam diterapkan di dalam pentadbiran negara. Menurutnya walaupun terdapat segelintir masyarakat yang menolak perundangan Islam dilaksanakan dengan dasar alasan tidak tercatat di dalam buku perundangan yang sedia ada hasil rujukan perundangan Barat, namun keadaan ini tidak melemahkan hasratnya dalam memberikan pandangan dan buah fikiran.

“Maka kita sebagai satu bangsa yang telah merdeka, yang mempunyai peribadi, kebudayaan dan adat istiadat sendiri bersendikan Quran dan hadis Nabi, sudah wajarlah, kita mengkaji semula segala undang-undang yang telah dan sedang kita laksanakan di negara kita ini, agar sesuai dan selaras dengan kedudukan kita sebagai satu bangsa yang merdeka di dalam tanah air yang merdeka. Tambahan pula, agama rasmi negeri ini, di dalam perlembagaan tanah air kita sendiri, telah tercatat, ialah agama Islam sebagai agama negara. Maka sudah wajarlah di masa ini kita sedang kehilangan punca sekarang ini, di dalam menentukan satu-satu hukuman, maka al-Quran al-Karim, haruslah dijadikan sebagai sumber tempat kembali”.⁴²⁵

⁴²⁵Yusof Rawa (1970), “Berpegang Teguhlah Dengan al-Quran”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 8, jil. 1, 1 Jun 1970 bersamaan 26 Rabiul Awal 1390, h. 4.

Ini ditambah lagi dengan sikap penjajah yang suka mengambil kesempatan terhadap kelompongan yang semakin meluas. “*Perhatikan manusia-manusia penjajah misalnya, di dalam dunia ini, mereka jajah negeri-negeri orang, mereka rampas kedaulatan orang, mereka keruk segala kekayaan orang...*”⁴²⁶ keadaan ini memburukkan lagi keadaan yang menimpa masyarakat Melayu.

“...kemudian mereka mengaku akan melakukan yang baik-baik untuk masyarakat manusia bersama-sama...berpakatlah mereka yang satu dari arah Barat, yang satu lagi dari arah timur berkumpul mereka di tengah-tengah lautan besar, kemudian bersama-samalah mereka memadukan suara, memekikkan pengakuan-pengakuan. Mengakukan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan, dan mengakukan kebaikan-kebaikan yang mahu dilaksanakan, merupakan piagam kesedaran, piagam taubat nasuha. Setelah itu bekerjalah mereka lebih giat lagi, merapati orang-orang yang nyata beruntung jika dirapati...merencanakan rencana-rencana yang molek-molek”.⁴²⁷

Begitu juga dengan pembentangan di Dewan Rakyat, TuanHaji Yusof Rawa mengemukakan hujah-hujahnya tentang peri pentingnya undang-undang Islam dilaksanakan dengan kadar yang segera. Dengan ini beliau memberikan tujuh alasan mengapa undang-undang Islam perlu dilaksanakan di negara kita.⁴²⁸

Pertama: sebagai sebuah bangsa yang telah mencapai kemerdekaan, sejajar dengan erti kemerdekaan itu seharusnya kita menghapuskan semua kesan-kesan pengaruh penjajahan yang tidak lagi bermanfaat untuk diamalkan pada ketika ini. Namun malangnya, kesan-kesan itu masih banyak berselaput dalam cara hidup, cara berfikir lebih-lebih lagi di bidang perundangan negara.

⁴²⁶Yusof Rawa (1971), “Menyongsong Penubuhan Pusat Latihan Dakwah Malaysia”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 11, jil. 2, 15 Julai 1971 bersamaan 22 Jamadil Awal 1391, h. 3.

⁴²⁷*Ibid.*

⁴²⁸Pemerhati (1971), “Dari Meja Dewan Rakyat: Usul Penerapan Undang-Undang Islam Bergema Di Dewan Rakyat”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 5 & 6, jil.4, 15 April/ 1 Mei 1973 bersamaan 11/27 Rabiul Awal 1393, h. 6 & 7.

Kedua: Mengapa kita tidak mahu dari sekarang memulakan langkah menggubal undang-undang negara yang bersumber ilhamkan undang-undang Allah?. Pada hal Perlembagaan Negara mengaku Islam agama negara, manakala pemimpin-pemimpin negara kita selalu mengajak kita semua ke arah masyarakat yang berketuhanan?.

Ketiga: Dalam hal undang-undang, kita masih lagi berada di takuk lama. Menurut TuanHaji Yusof Rawa, adalah amat menghairankan kerana banyak undang-undang dan peraturan yang asalnya dibuat di United Kingdom masih dipraktikan di negara kita sedang di United Kingdom sendiri sudah mula mengubah dan meminda undang-undang sedia berdasarkan perubahan semasa.

Keempat: Kepada mereka yang ragu-ragu tentang kemampuan undang-undang Islam menjadi undang-undang negara, beliau menjelaskan perbezaan konsep perundangan ciptaan manusia dengan undang-undang ciptaan Tuhan. Undang-undang Tuhan dikanunkan untuk mewujudkan atau membentuk suatu masyarakat yang sejahtera lagi bahagia, manakala undang-undang ciptaan manusia digubal oleh masyarakat manusia sendiri sesuai dengan keperluan masyarakatnya yang selalu berubah-ubah.

Kelima: Beliau menganjurkan sebagai langkah pertama ke arah penerapan undang-undang Islam, maka Ordinan Undang-Undang Sivil 1937 yang dianggap sebagai pembuka jalan dari penerapan besar-besaran undang-undang Inggeris ke dalam sistem perundangan kita, sehingga undang-undang Islam yang sebelumnya menjadi perundangan di negara kita jadi hilang dan tertolak ke tepi, hendaklah segera dihapuskan.

Keenam: Walaupun latar belakang negara kita terdiri daripada masyarakat berbilang kaum dan agama namun ia bukanlah sebagai alasan untuk tidak

menerapkan undang-undang yang bersumberkan kaedah-kaedah Islamiah. Beliau mengemukakan hujah betapa undang-undang yang sekarang berjalan di negara kita, yang kebanyakannya di terima dari luar, yang tidak bersifat kecinaan atau keindiaan, boleh diterima dan dipatuhi oleh semua warganegara yang taat setia. Beliau tidak melihat sebab-sebab mengapa undang-undang yang digubal dengan semangat dan disiplin kaedah Islamiah tidak dapat dibawa, dibahas dan diluluskan dengan suara terbanyak dalam Dewan Rakyat untuk menjadi undang-undang yang dipatuhi oleh semua warganegara.

Ketujuh: Akhirnya beliau berseru kepada kerajaan supaya segera mengorak langkah mengambil dan menjadikan kaedah Islamiah sebagai sumber perundangan negara sesuai dengan semangat dan suasana yang sudah sangat berubah dan berlainan pada masa ini.

Berdasarkan tujuh hujah yang dikemukakan oleh TuanHaji Yusof Rawa, dapat disimpulkan bahawa pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia bukanlah suatu hal yang mustahil untuk dilaksanakan. Ketika undang-undang Inggeris dibawa masuk ke Tanah Melayu, tidak timbul isu perkauman. Undang-undang tersebut bukan sahaja tidak memihak kepada bangsa Melayu, malah juga kepada Cina mahupun India namun ia masih diterima pakai oleh negara. Jadi tidak ada sebarang alasan untuk kita menolaknya dan memartabatkan semula kegemilangan Kesultanan Melayu yang terkenal dengan undang-undang Islam.

Seterusnya S.Othman dalam artikelnya "*Untuk Apa al-Quran Diturunkan?*", membincangkan kepada kita mengenai mengapa perlunya al-Quran diturunkan. Apa yang jelas kepada kita al-Quran itu diturunkan kepada manusia bagi menegakkan hukum-hukum Allah. Dalam menegakkan hukum-hukum ini, umat Islam perlu mempunyai sebuah negara. Negara merupakan

perkara asas dan jalan utama kepada pembentukan sebuah negara Islam. Bagaimana kita ingin menjalankan hukum-hukum Islam, kalau kita masih di bawah kekuasaan pemerintahan bukan Islam atau di bawah orang-orang yang tidak menyakini akan keadilan hukum-hukum Islam?.

“Terlalu banyak Allah memberi penilaian-penilaian dengan akal kita akan betapa pentingnya sesebuah negara diwujudkan di dalam tangan orang-orang yang berjuang atas polisi Allah. Dan atas tujuan seumpama itulah al-Quran dan Muhammad s.a.w. diwujudkan dan diutuskan kepada manusia. Sebab al-Quran itu adalah jalan hidayah untuk manusia menjalankan hukum-hukum yang adil dan saksama. Akan tetapi keadilan dan kesaksamaan itu hanya dapat dilaksanakan setelah umat Islam mempunyai pemerintahan atau negara sendiri. Tanpa negara samalah cita-cita Islam seperti burung yang pandai bercakap.”⁴²⁹

Namun apa yang terjadi dewasa ini, ramai di kalangan orang Islam sendiri sudah tidak menyakini agama (ideologi) Islam sebagai agama yang dapat mendirikan pemerintahan. Ini kerana mereka beranggapan keadaan dunia sudah bertukar coraknya dan memerlukan sesuatu yang bersifat semasa. Prof. Zulkifli Haji Muhammad pula dengan tegas menyatakan untuk melaksanakan perundangan Islam di Malaysia ini, perlembagaan, susunan politik, ekonomi dan sosial yang sedang dikuatkuasakan sekarang hendaklah diperiksa semula dari segi penyesuaiannya dengan dasar dan asas Islam. Pengkajian yang teliti terhadap syarat-syarat perlembagaan, semua undang-undang, aturan dan peraturan hendaklah disesuaikan dengan asas-asas pokok Islam. Jika sesuai dengan asas-asas Islam, perkara itu boleh dikekalkan. Sebaliknya jika bercanggah dengan asas-asas keadilan, persamaan, persaudaraan dan kebajikan rakyat, ia mestilah digantikan dengan susunan yang lebih tepat dan sempurna.

⁴²⁹ S. Othman (1970), “Untuk Apakah al-Quran Diturunkan?”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 12, jil.1, 1 Ogos 1970 bersamaan 28 Jamadil Awal 1390, h. 11.

“Dewan perundangan kita hendaklah meluluskan sebagai asas panduan syarat-syarat yang menetapkan bahawa semua undang-undang, aturan dan peraturan yang berlawanan dengan Islam adalah disifatkan sebagai tidak sah. Bila saya menyebut Islam maksudnya ialah ajaran-ajaran yang terdapat dalam al-Quran dan sunnah nabi. Dengan meletakkan ini dalam ingatan, barulah Islam dapat diamalkan di negeri kita ini”⁴³⁰.

Dan dalam melaksanakan perancangan ini, kita perlu melihat kembali di dalam sejarah perundangan Islam dan sejarah dari pelaksanaan undang-undang yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. Pelaksanaan beransur-ansur adalah satu di antara kebijaksanaan Islam. Hinggakan dalam peringkat awal kehidupan nabi sendiri, pelaksanaan beransur-ansur itu dapat memberi kedudukan teguh kepada undang-undang Islam. Cara beginilah yang disarankan oleh Prof. Zulkifli sekiranya kita mahu meraih kepercayaan orang-orang bukan Islam.

Selain itu beliau berpendapat, pelaksanaan ini haruslah disusuri dengan kefahaman dan penerangan yang jelas kepada rakyat. Butir-butir mengenai susunan pelaksanaan harus dijelaskan dengan sejelas-jelasnya. Dan apabila telah sehati diri rakyat dengan dasar dan asas tersebut, baik di kalangan orang-orang Islam mahupun bukan Islam, tidak akan timbul desas desus yang menyatakan Islam itu zalim, Islam itu kejam, Islam itu kuno dan pelbagai lagi tomanan yang dilontarkan akibat dari teknik pelaksanaan yang kurang berkesan.

Oleh itu, pemahaman mengenai Islam perlu diterapkan kepada jiwa Muslim. Masyarakat kini walaupun dilahirkan beridentitikan Islam, berlatarbelakangkan Islam, membawa kalimah syahadah namun belum tentu mereka benar-benar memahami Islam secara mendalam. Pengkaji menyatakan demikian kerana, walaupun Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk

⁴³⁰ Prof Zulkifli Haji Muhammad (1970), “Islam Sebagai Suatu Sistem Politik Dan Masyarakat”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 10, jil. 1, 1 Julai 1970 bersamaan 27 Rabiul Akhir 1390, h. 7.

namun masih terdapat segelintir masyarakat Melayu yang menolak agar pelaksanaan undang-undang Islam tidak dilaksanakan secara menyeluruh. Mereka tidak melihat undang-undang dan peraturan Islam yang hendak dilaksanakan itu sebagai pengajaran kepada masyarakatnya agar tidak mengulangi kesalahan yang telah dilakukan sebaliknya mereka beranggapan ia suatu yang amat kejam untuk dipraktikan.

Pengkaji sendiri ketika mengajar pernah ditanya oleh pelajar-pelajar Cina yang bertanya mengenai hukum Islam. Pada mulanya mereka menganggap bahawa pelaksanaan hukun hudud seperti hukuman potong tangan, rejam dan hukum bunuh merupakan suatu perbuatan yang amat kejam untuk dilaksanakan. Namun setelah pengkaji jelaskan dan dengan adanya sesi soal jawab segala salah faham mengenainya dapat dirungkaikan. Mereka mula memahami mengapa perlunya sesuatu hukuman itu dilaksanakan sedemikian rupa. Akhirnya mereka akur dengan unsur pengajaran yang diselitkan agar masyarakatnya menjadi takut dan tidak mahu mengulangi kesalahan yang dilakukan oleh seseorang itu. Oleh itu, dialog-dialog peradaban, majlis-majlis ilmu dan sesi perjumpaan dengan masyarakat non Muslim agar mereka sentiasa diberi pendedahan mengenai pentingnya perundangan Islam dengan menjadikan zaman Rasulullah sebagai role model pengerak undang-undang Islam.

4.2 Persoalan Hukum

Di dalam perundangan ini juga, *al-Islah* telah membentangkan mengenai permasalahan hukum. Isu-isu berkaitan hukum juga sering dipaparkan di dalam penerbitan ditengahbulanan ini. Artikel bertajuk ”*Mengutip Derma Waktu Khutbah Jumaat adalah Terlarang Dari segi Islam*” oleh Abdul Ghafar Nur membuktikan bahawa *al-Islah* juga tidak pernah mengeneipkan persoalan-

persoalan yang berkaitan hukum melibatkan permasalahan umat Islam.

Menurut keterangannya:

"Pengedaran tabung derma masjid pada ketika imam telah menaikkan mimbar seperti yang dilakukan sekarang ini adalah tidak kena pada tempatnya, ia termasuk dalam ertikata (lagha) yang bererti mengecewakan atau menghampakan peribadatan".⁴³¹

Ini kerana sesungguhnya peribadatan itu hendaklah ditumpukan kepada Penciptanya. Mengenai konsep ibadat ini, menurut penulis ramai di kalangan masyarakat pada hari ini salah dalam menafsir erti peribadatan yang sebenar.

"Bukankah berderma itu suatu ibadah?. Bukankah lebih baik kita tambah ibadah atas ibadah? Pada menjawabnya benarlah membanyakan rupa ibadah itu digalakkan, tetapi adalah terlarang mengganggu ibadah sekalipun dengan suatu ibadah yang lain pula, demikian juga terlarang beribadah yang bukan pada tempatnya atau bukan pada waktunya, di kala itu ia bukan merupakan ibadah lagi, sebaliknya ia menjadi bidaah".⁴³²

Ramai di kalangan masyarakat yang tidak memahami konsep sebenar di dalam peribadatan. Walaupun kedua-duanya adalah bersifat murni iaitu ingin berbakti, namun keutamaan itu perlu diberikan kepada yang lebih berhak. Matlamat tidak menghalalkan cara. Konsep ini sama seperti kisah Robin Hood yang dianggap oleh masyarakat kampung sebagai seorang yang baik hati, pemurah dan dermawan. Namun kaedah yang digunakanya untuk mendapatkan sumber pendapatan tersebut bukanlah dengan cara yang sah di sisi undang-undang. Maka begitulah juga dengan konsep ini.

⁴³¹ Ghafar Nur (1973), "Mengutip Derma Waktu Khutbah Jumaat Adalah Terlarang Dari Segi Islam", *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 1 & 2, jil. 4, 15 Februari dan 1 Mac 1973 bersamaan 11/26 Muharram 1393, h. 14 & 15.

⁴³² *Ibid.*

Tujuan jemaah ke masjid adalah bertujuan untuk mendekati diri dengan Penciptanya. Ingin menunaikan solat, berzikir, mendengar tazkirah dan sebagainya, namun dengan berlakunya peredaran tabung derma akan mengganggu para jemaah untuk khusyuk melaksanakan ibadahnya. Cukup sekadar tabung derma tersebut diletakkan di suatu sudut seperti diluar pintu masuk tempat jemaah keluar dan masuk ke masjid. Kaedah ini lebih sesuai kerana ia nampak lebih sopan dan timbulnya nilai keikhlasan. Pengkaji tidak bermaksud menyatakan para penderma itu tidak ikhlas tetapi jika tabung derma diedarkan dari satu saf ke satu saf ada yang beranggapan seolah-olah mereka terpaksa menderma, jika tidak jemaah yang berada di sebelah kiri dan kanan akan menganggap mereka seorang yang kedekut kerana tidak menderma atau menyumbang dalam jumlah yang kecil.

Di samping itu artikel bertajuk “Tiga Pendapat Para Ulama Islam” lanjutan dari “Rencana Keluarga” yang membincangkan mengenai perancangan keluarga. Lanjutan ini membincangkan pendapat-pendapat ulama mengenai hukum dalam merancang institusi kekeluargaan. Artikel ini telah memetik suatu riwayat yang membolehkan melakukan *īzāʾ*. Riwayat diambil oleh Imam al-Ghazali dari Muslim dan al-Bukhari, di mana ditemui sebuah hadis yang diberitakan oleh Jabir: “*Di zaman Rasulullah s.a.w. kami melakukan īzāʾ, sedangkan al-Quran pada waktu itu sedang turun*”.⁴³³ Dan satu lagi kisah, di mana para sahabat yang melakukan *īzāʾ*, lalu bertemu dengan Rasulullah berhubung soal *īzāʾ* dan Rasulullah tidak melarang perbuatan tersebut.

Dalam hadis lain juga diberitakan, seorang lelaki telah datang menemui Rasulullah dan berkata:

⁴³³ Majlis Dakwah Islamiah Indonesia (1970), “Tiga Pandangan Para Ulama Islam”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 8, jil. 1, 1 Jun 1970 bersamaan 26 Rabiul Awal 1390, h. 14.

*“Saya mempunyai seorang hamba sahaya yang bekerja sebagai pembantu dan penyiram pohon kurma kami. Saya bersetubuh dengan dia, tetapi saya tidak ingin dia hamil. Maka Rasulullah berkata: lakukanlah *īzāl* terhadap dia jika engkau ingin, sesungguhnya dia akan mendapat apa yang telah ditentukan tuhan baginya” (Ihya’ Ulumuddīn, jil. 2, h. 54).⁴³⁴*

Berdasarkan dari nas-nas yang dibentangkan ini, persoalan *īzāl* ini merupakan suatu permasalahan baru di mana *persoalan yang dikemukakan ini baik di zaman Imam al-Ghazali mahupun di zaman Ibn Hazm, pemikiran tentang pembatasan kelahiran yang bersifat umum belum menjadi persoalan.*⁴³⁵ Namun kini, perkara ini bukanlah suatu hal yang baru lagi. Ia telah menjadi suatu hal yang lazim untuk menjarakkan atau bertujuan menghadkan kehamilan. Begitu juga di Malaysia, soal perancangan institusi keluarga dan bayi tabung uji begitu hangat diperbincangan di dalam kertas kerja Dr. Haji Nikman Sulaiman ketika majlis pertemuan alim ulama Islam di Medan, Indonesia pada 17 Mei 1970.

Permasalahan hukum ini kian berterusan. Timbul pelbagai pendapat dan pandangan dari pelbagai sudut. Antaranya mengenai persoalan hukum menjalankan loteri kebajikan masyarakat di dalam 15 tahun yang lampau dan juga persoalan wang faedah bank, wang bayaran insurans dan sebagainya. Keadaan ini menurut beberapa orang cerdik pandai memperlihatkan kelemahan dan kegagalan golongan alim ulama dan mufti-mufti menyahut cabaran semasa. Kegagalan ini barangkali disebabkan pemikiran alim ulama dan mufti yang menganggap bahawa hukum-hukum Islam tidak berkait sama sekali dengan kehendak masyarakat.

⁴³⁴*Ibid.*

⁴³⁵*Ibid.*

*“Ugama Islam di dalam pandangan mereka hanya terbatas kepada akidah atau amal perseorangan semata-mata. Silap faham inilah sebab-sebab utama sekali umat Islam di dalam negara Malaysia ini, hingga sekarang jauh ke belakang, di dalam lapangan kemajuan perusahaan. Meskipun kita telah mencapai kemerdekaan selama 13 tahun yang lalu, tetapi keadaan hidup kita masih seperti sebelum merdeka dahulu kala, kerana fikiran kita selalu dididik dengan ajaran Islam yang primitif. Demikian itu juga hukum-hukum dan fatwa-fatwa berkenaan dengan sesuatu perkara yang baharu timbul di dalam abad-abad yang kemudian ini, alim ulama dan mufti-mufti kita masih belum dapat hendak menentukan hukum yang dikehendaki oleh ugama, kerana mereka hanya mengetahui ilmu feqah, hadis tetapi tidak mendalami falsafah tasyrik”.*⁴³⁶

Dan mereka juga dikatakan tidak pernah mengambil tahu sesuatu yang berlaku di dalam sistem kehidupan orang zaman sekarang, dengan cara membaca buku-buku yang berkenaan dengannya atau bersahabat dengan mereka yang mempunyai *degree* atau kebolehan yang khusus di dalam lapangan pengetahuan dengan perkara yang berlaku itu. Inilah permulaan punca yang membawa kepada kelemahan (teragak-agak) dalam menentukan hukum-hukum dan fatwa-fatwa yang tepat dengan kehendak syarak.

Oleh itu, jalan penyelesaian perlu dicari. Alim ulama digesa, tidak ada jalan lain melainkan hendaklah kita berpandukan kepada *istinbāt* dan ilmu ijtihad sahaja sepertimana yang dilakukan oleh generasi terdahulu tatkala timbulnya masalah yang tidak didapati nas yang jelas dan nyata. Begitulah juga dalam permasalahan loteri.

“Jika mereka memahami loteri itu mengikut jalan istinbat, maka hukumnya akan dapat ditentukan dengan mudah sahaja...dengan sebab itu kita alim ulama Islam termasuklah mufti-mufti sekalian di dalam negara kita ini pada pendapat saya tidak ada jalan untuk menunaikan tanggungjawab di dalam menguruskan hal ehwal ugama dan jalan bagi menyelamatkan umat Islam di dalam negara Malaysia supaya

⁴³⁶ _____ (1970), “Surat Terbuka Kepada Sekalian Alim Ulama, Mufti-Mufti Dan Anggota-Anggota Majlis Agama Islam Di Seluruh Malaysia”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 12, jil.1, 1 Ogos 1970 bersamaan 28 Jamadil Awal 1390, h. 17.

*berpegang teguh kepada ugamanya, melainkan mestilah kita kembali kepada kajian masalah-masalah ini mengikut kaedah-kaedah istinbat dan ijtihad”.*⁴³⁷

Justeru itu, dengan peredaran masa banyak perkara baru yang berbangkit. Oleh itu kaedah taklid tidak lagi sesuai digunakan pada ketika ini. Seperti masalah insurans. Ketika awal Islam, masyarakat masih belum mengenal apakah itu insurans?. Namun kini masalah tersebut mula timbul adakah insurans itu sejenis pelaburan yang sah di sisi Islam atau tidak. Maka para ulama dan mufti seharusnya memberikan dalil-dalil yang kukuh untuk mencari jalan penyelesaian dengan kaedah istinbat dan ijtihad.

Dan di dalam permasalahan hukum ugama pula, *al-Islah* telah mengupas Ulasan Kitab Mat Kilau yang telah pun diharamkan pengedarannya. Di dalam kupasannya telah dibawakan beberapa buah dalil al-Quran dan hadis mengenai penggunaan tangkal dan jampi serapah yang sering diamalkan oleh masyarakat Melayu ketika itu. Antara yang dibincangkan di dalam buku tersebut adalah mengenai huraian hukum penggunaan jampi dari pelbagai riwayat hadis, penggunaan azimat pengasih, tilik, hukum mencampurkan ayat al-Quran dengan mantera, ayat-ayat yang tertinggal dan di salah bariskan menjadi topik karangan Mat Kilau.

Dengan ini *al-Islah* cuba mencari dan mengulas tentang pengharaman buku tersebut diedarkan dipasaran. Hasil tinjauan yang menyeluruh *al-Islah* memberikan pandangannya mengenai pelaksanaan hukum jampi dan alasan mengapa buku Mat Kilau ini diharamkan pengedarannya adalah kerana (i) buku tersebut bukanlah sebuah kitab agama sepenuhnya dalam memberikan fatwa-fatwa tentang agama, (ii) buku tersebut diterbitkan hanyalah sekadar ukuran,

⁴³⁷*Ibid.*, h. 19.

penyelidikan dan kajian semata-mata mengenai kemasyarakatan dan perbendaharaan Islam (kerana banyak perkataan-perkataan mantera yang tidak diketahui maknanya oleh generasi hari ini), (iii) sesiapa yang ingin mengamalkannya perlu mendapat izin dari ustaz atau yang arif mengenai kitab tersebut agar tidak berlaku salah faham dalam mempelajarinya dan membuktikan bahawa kitab tersebut penuh dengan pantang larang yang ketat.⁴³⁸(iv) Nabi sendiri mempunyai jampi. Begitu juga Nabi Allah Ibrahim. Malah nabi juga menggalakkan sahabat-sahabatnya menggunakan jampinamun jampi tersebut mestilah terkandung dengan kalimah-kalimah yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam. (v) Ijmak ulama mengharuskan penggunaan jampi asalkan tidak menyeleweng dari ajaran agama.

Dan masyarakat kini masih menggunakan jampi/doa di dalam kehidupan seharian. Jampi memainkan peranan yang penting dalam proses menyembuh, menghindar dan mengelakkan sebarang kemudharatan. Banyak jampi dari gabungan ayat-ayat al-Quran yang boleh diamalkan di dalam kehidupan kita antaranya *Mathūrāt*, jampi agar disayangi suami dan anak-anak, dilancarkan lidah ketika berucap di khalayak ramai, menyembuhkan sakit ringan dan sebagainya. Maka tidak timbul di zaman moden ini, jampi dan doa tidak lagi dipraktikkan di dalam kehidupan orang-orang Melayu. Walaupun teknologi perubatan telah berkembang maju, namun tidak salah untuk kita berikhtiar mencari penawar, kerana terdapat sesetengah penyakit tidak mampu untuk dirawat secara moden seperti sakit terkena ilmu sihir.

⁴³⁸ _____ (1971), "Ulasan Kitab Mat Kilau", *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 3, jil.2, 15 Mac 1971 bersamaan 18 Muharram 1391, h. 13.

5. Aspek Ekonomi

Bahagian ekonomi pula, pengkaji akan membahagikan kepada beberapa sub topik perbincangan. Antaranya (i) pembangunan kerohanian, (ii) sumber ekonomi, (iii) perancangan ekonomi dan (iv) penubuhan institusi Islam.

5.1 Pembangunan Kerohanian

Keruntuhan akhlak di kalangan orang Melayu telah memberi kesan yang cukup besar bukan sahaja di dalam sistem pentadbiran, malah lebih buruk telah merosakkan perkembangan ekonomi itu sendiri. Apabila pembangunan-pembangunan ekonomi tidak disertai dengan pegangan akidah yang kukuh ia akan membawa keburukan kepada si pelaku dan juga orang di sekelilingnya. TuanHaji Yusof Rawa di dalam artikelnya pernah menyatakan bahawa dewasa ini masyarakat sering dihimpit dengan pelbagai masalah yang berpunca daripada permasalahan ekonomi atau permasalahan akhlak atau kedua-duanya sekali. Menurutnya lagi, jika kita mengerjakan pembangunan tanpa disertai oleh aspek kerohanian, maka pembangunan yang dibina itu akan membawa keruntuhan dan perobohan yang saling menghancurkan. Ketidakeimbangan di antara kedua-duanya iaitu pembangunan ekonomi dan pembangunan rohani, dasar yang dibina tidak akan mampu bertahan.

“Negara ialah manusianya..., dan titik utama negara ialah pada manusianya...dari itu..., pembangunan negara ialah pembangunan manusia..manusia terdiri daripada jasmani dan rohaninya..., maka hakikat manusia itu ialah rohaninya..sebab itu..kegiatan usaha yang mengangap sepikan aspek-aspek rohani – sebenarnya – belumlah pembangunan lagi..., dan kalau sepi mencayang-cayangkan aspek-aspek kerohanian pula, maka jadilah ia perobohan ataupun peruntuhan. Perobohan atau peruntuhan...perobohan atau peruntuhan manusianya, manusianya tentunya. Perobohan atau

*peruntuhan manusianya itu pula ialah perobohan atau peruntuhan negara jua”.*⁴³⁹

Ini kerana, pengkaji berpendapat bahawa Islam itu bersifat syumul. Kesempurnaan yang ditekankan oleh Islam meliputi keseluruhan kehidupan manusia termasuklah juga di dalam perekonomian. Masyarakat yang berilmu dan mempunyai akhlak yang mulia akan sentiasa terarah ke arah kebaikan, sentiasa bersifat jujur, adil, tidak mengamalkan riba, menjalankan perniagaan secara sihat dan tidak berlakunya gejala rasuah seperti yang banyak berlaku ketika ini. Orang-orang mukmin percaya bahawa apa sahaja yang dilakukan oleh setiap hamba itu akan dicatat dan dihitung di hari pembalasan kelak.

Manakala di dalam pembentukan sahsiah diri pula, artikel bertajuk “*Beberapa Jalan Kepada Amal Soleh*” telah membincangkan permasalahan yang menimpa umat Islam pada hari ini. Amalan soleh di kalangan umat Islam tidak sesubur seperti zaman kezuhudan para sahabat Rasulullah s.a.w. Di zaman ini masyarakat telah berlaku kepincangan dan krisis akhlak yang nyata. Mengapa keadaan ini berlaku?

Menurut penulis, keadaan ini berlaku kerana ketiadaan tenaga jihad yang bersungguh-sungguh, jika ada hanya terlalu kecil dan serba kekurangan.

“...kurang tenaga orang-orang yang sungguh-sungguh ikhlas, kurang pula alat-alat yang sampai kepada tujuan jihad sebenarnya, dengan keadaan sekarang yang besarnya ialah kekurangan wang. Tidaklah keterlaluan bahawa amal soleh melalui jihad yang sungguh-sungguh (hak jihad) tidak ada. Belum pernah kita bertembung dengan orang-orang yang berjual sebahagian hartanya kerana agama kerana membantu tempat-tempat pengajian agama atau menderma kepada badan-badan dakwah, tidak kedapatan orang-orang kaya atau yang bergaji besar setiap bulan membayar ansuran hutangnya kerana membantu orang-orang susah sengsara, belum ada sebuah kereta yang disedekahkan oleh orang kaya pelana

⁴³⁹Yusof Rawa (1973), “Sekilas Kenangan Di Ambang Ramadhan Yang Penuh Berkat”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 14 & 15, jil.4, 1/15 September 1973 bersamaan 4/18 Syaaban, 1393, h. 4.

*kepada badan-badan tabligh atau kepada guru-guru sukarelawan yang mengajar agama untuk kemudahan mereka. Belum terdengar orang Islam yang masuk penjara kerana hutangnya mendirikan masjid, atau hutangnya kerana belanja dakwah dan jihad”.*⁴⁴⁰

Oleh itu bagi mengatasi masalah ini, beliau memberikan garis panduan yang harus diikuti oleh setiap muslimin. Di mana menurutnya setiap muslimin itu perlu mengikis sikap tamak dan bakhil di dalam dirinya. Sentiasalah menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan bantuan serta menyarankan kepada para pekerja bagaimana cara memperoleh keberkatan di dalam setiap pekerjaan yang dikerjakan. Di samping itu para majikan perlu mengambil berat dan mensyaratkan kepada para pekerja agar menunaikan solat lima waktu. Namun terlebih dahulu, para majikan juga dikehendaki turut menjadi contoh terbaik kepada para pekerja seperti menyediakan kemudahan-kemudahan asas di tempat kerja seperti penyediaan surau, kain telekung dan al-Quran.

Pembahagian masa juga amat penting. Ini kerana ramai di kalangan pekerja merungut kerana jadual kerja yang tidak fleksibel menyukarkan mereka untuk melaksanakan ibadah. Keadaan ini pernah dialami oleh pengkaji sendiri ketika bekerja *part time* di sebuah kilang. Memang sedia maklum surau disediakan, namun jadual kerja yang tidak fleksibel dan lokasi surau yang agak jauh dan tersorok menyukarkan para pekerja untuk menunaikan kewajipan. Pelbagai permasalahan yang sering dihadapi oleh para pekerja. Malah kadang-kadang sebahagian majikan yang kurang prihatin terhadap permasalahan ini, dan yang lebih mendukacitakan terdapat majikan Melayu yang sengaja tidak mahu mengambil perhatian serius terhadap perkara ini. Kerana bagi mereka, masalah dosa dan pahala merupakan urusan peribadi yang tidak perlu dicampuraduk dalam urusan kerja.

⁴⁴⁰ Abdul Rasyid Long (1970), “Beberapa Jalan Kepada Amal Soleh”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 7, jil.1, 15 Mei 1970 bersamaan 9 Rabiul Awal 1390, h. 8.

*“Di samping bekerja syaratkanlah pula kepada pekerja-pekerja supaya menunaikan sembahyang dengan mengadakan tempat-tempat mereka berjemaah, dan pada setiap minggu adakanlah hari bekerja separuh masa dan yang separuh masa lagi itu hendaklah dipenuhi dengan belajar agama. Maka dengan cara seperti ini adalah berkesan terhadap golongan yang cintakan pekerjaan. Dan golongan yang seperti ini terlalu banyak sekarang”.*⁴⁴¹

Andai cadangan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya di samping peranan dari badan-badan dakwah dan daya usaha yang dimainkan oleh jabatan-jabatan agama Islam, oleh para guru di sekolah-sekolah agama, nescaya ruang yang kosong dalam kehendak syariat Islam dapat dipenuhi. Atau sekurang-kurangnya memberi tiupan roh agama kepada sebilangan besar orang yang memburu pekerjaan sedangkan mereka begitu dahagakan pelajaran agama.

5.2 Sumber Ekonomi

Mengenai jumlah pertambahan bilangan penduduk, Khurshid Ahmad di dalam kertas kerjanya menyatakan bahawa kepesatan penduduk menjadi faktor utama kepada sumber perekonomian. Ini kerana menurutnya, setiap insan yang dilahirkan ke dunia ini bukan hanya dianugerahkan anggota mulut dan perut semata-mata, sebaliknya manusia dibekalkan dengan anggota badan yang sempurna untuk melaksanakan tugas dalam mengembangkan sektor ekonomi. Maka jumlah kepesatan penduduk bagi Khurshid Ahmad bukanlah punca sebenar kepada masalah pengangguran seperti yang difahami oleh orang ramai.

*“Perkembangan penduduk dunia sekarang barulah dalam taraf permulaan. Sebab-sebab terjadinya pengangguran pula adalah kerana sistem ekonomi yang salah. Antara sebab-sebabnya ialah kapital atau modal terletak di tangan orang-orang atau golongan yang terbatas.”*⁴⁴²

⁴⁴¹*Ibid.*

⁴⁴²*Ibid.*

Di samping itu juga terdapat beberapa faktor lain yang menjadi penghalang kepada kemajuan di dalam bidang ekonomi. Antaranya⁴⁴³ (i) Kedudukan dan kekayaan alam belum didedahkan sebagaimana semestinya. (ii) Faham kesejagatan yang seharusnya dijadikan dasar ekonomi dunia belum dijalankan. (iii) Pembahagian pengeluaran belum dilaksanakan secara adil. Banyak negara yang mengalami lebih pengeluaran. (iv) Cara Barat mendedahkan kedudukan-kedudukan yang ada di negara timur lebih banyak dipengaruhi oleh keuntungan golongan (pemodal) pemilik modal. (v) Banyak negara yang mempergunakan kekayaan dan kemungkinan-kemungkinan ekonomi negaranya hanya semata-mata untuk persiapan peperangan, bukan untuk kemakmuran rakyat negerinya. Justeru itu Khurshid Ahmad membuat kesimpulan umum bahawa pembatasan kelahiran atau pencegahan kehamilan bukanlah suatu tindakan yang berkesan, tetapi merupakan satu cara putus asa yang lagi menggagalkan.

Oleh itu, seperti yang pengkaji nyatakan di dalam bidang politik sebelum ini, gagalnya sesebuah masyarakat itu berkembang adalah disebabkan berlakunya pembatasan kelahiran yang secara automatik telah mengurangkan jumlah penduduk di dunia ini. Kenyataan yang menyatakan apabila jumlah penduduk bertambah maka akan berlakunya pengangguran kerana mesin-mesin telah mula mengambil alih peranan manusia. Islam sendiri mengakui bahawa perlunya perkembangan teknologi dalam memenuhi tuntutan kemajuan kini, namun sebagai seorang mukmin kita perlu sedar bahawa mesin tidak akan mampu untuk menjadi penasihat yang baik dan pendengar yang setia kepada permasalahan manusia. Tanpa adanya naluri dan nilai kerohanian di dalam diri, mesin tidak ubah seperti patung tidak bernyawa dan menyebabkan manusia itu

⁴⁴³*Ibid.*

menjadi malas untuk melaksanakan tugas hariannya. Contoh di Jepun, adanya usaha-usaha untuk mencipta robot-robot sebagai pembantu rumah atau yang lebih mengecewakan apabila mesin-mesin ini menjadi pasangan hidup. Sebenarnya perkara ini bukan suatu situasi yang sihat. Nilai-nilai norma di dalam diri manusia telah ditenggelami dengan arus kemodenan dunia. Keadaan ini adalah sejenis penyakit yang akan merosakkan minda masyarakat dan akibat buruk masyarakat tidak lagi bersatu padu. Masing-masing leka dengan haluan masing-masing sehingga jiran di sebelah rumah tidak dikenali sama sekali. Perkara ini yang ditakuti oleh kita kini.

Di abad ke-21 ini, bertambah buruk apabila kecanggihan teknologi telah menenggelamkan zaman kanak-kanak dengan dunia alam maya mereka sendiri. Jika dahulu kita lihat kanak-kanak sering bermain bersama teman-teman di halaman rumah, di taman-taman bunga dan di padang permainan, tapi kini perkara itu tidak lagi berlaku. Boleh dikatakan di setiap rumah mempunyai komputer dan jalur lebar untuk melayari laman sesawang seperti *facebook*, *twitter*, *yahoo messenger*, *games online* dan sebagainya yang akan melalaikan anak-anak. Oleh itu, semua ini perlu diambil perhatian yang sewajarnya dari semua pihak terutamanya institusi keluarga. Mereka berkuasa mutlak menentukan situasi dan corak keluarga yang ingin dibentuk.

Seterusnya di dalam artikel “Bagaimana Mereka Menjadi jutawan? (How To Make More Money)”⁴⁴⁴ oleh Marvin Small membincangkan bagaimana untuk menjadi jutawan. Marvin Small telah menyelitkan beberapa orang jutawan yang menyatakan bahawa setiap individu berpeluang untuk meraih kekayaan di dalam hidup. Seperti pendapat Bernard M. Baruch yang

⁴⁴⁴ Marvin Small (1973), “Bagaimana Mereka Menjadi Kaya!?” *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 7 & 8, jil.4, 15 Mei/1 Jun 1973/ 11/28 Rabiul Akhir 1393, h. 8-11.

telah menjadi jutawan sebelum berumur 25 tahun. Menurutnya, jika seseorang ingin mencari kekayaan, ia haruslah berusaha secara berterusan hingga ke akhir hayat. Begitu juga seorang lagi jutawan Marvin Small yang menyatakan bahawa setiap manusia itu mempunyai kesempatan yang sama untuk mencapai kemajuan. Kemajuan itu boleh dicapai di mana sahaja dan pada bila-bila masa. Menurutnya wang adalah sebagai lambang kekuasaan dan dengan wang setiap individu itu mampu untuk berbuat kebajikan. Seterusnya Marvin Small telah menggariskan empat kunci kejayaan dalam menjadi seorang jutawan.

Pertama, memenuhi keperluan, setiap individu harus bijak mengambil peluang dengan memenuhi kehendak-kehendak pasaran. Kedua, nasib baik. Menjadi seorang jutawan bukanlah suatu hal yang disengajakan. Tidak ada kebetulan dalam memperoleh kekayaan jika tidak berusaha dengan bersungguh-sungguh. Ketiga, kegagalan adalah bapa kemenangan. Setiap individu itu harus berani menghadapi risiko sebelum mencapai sesuatu kejayaan. Keempat, faktor umur, kecacatan dan keluasan bandar bukanlah faktor penghalang untuk seseorang itu berjaya di lapangan ekonomi.

Justeru itu, melalui rencana yang telah dialihbahasa ini sebenarnya telah membuka jalan kepada kita untuk menjadi kaya. Kekayaan bukanlah sesuatu yang datang secara bergolek tanpa adanya usaha yang bersungguh-sungguh dalam diri sendiri. Dan kekayaan bukanlah sumber kejahatan. Ini kerana ramai yang beranggapan bahawa kekayaan merupakan sumber kemusnahan. Memang benar ia akan menjadi jahat apabila individu yang memiliki kekayaan itu tidak tahu dan tidak mampu mengurus hasil kekayaan yang dimilikinya. Ketika di zaman Rasulullah s.a.w., Saidina Umar merupakan seorang peniaga yang kaya raya, namun beliau tidak sombong dan kedekut. Malah beliau dikenali sebagai seorang yang dermawan. Perkara asas yang perlu diteliti bukanlah jumlah nilai

kekayaan yang dimiliki sebagai punca seseorang itu menjadi musnah dan hanyut, namun sebaliknya nilai keimanan dan ketakwaan kepada Allah menjadi kayu ukur yang unggul untuk menentukan sama ada seseorang itu bersyukur dengan nikmat yang diberikan oleh Allah atau tidak.

Kisah Karun juga mengingatkan kepada kita bahawa bagaimana beliau diuji oleh Allah dengan harta kekayaan yang melimpah ruah. Namun akibat dari sikapnya yang mulai bakhil dan sombong, menyebabkan akhirnya harta-benda yang dimiliki telah ditenggelamkan oleh Allah melalui suatu gempa bumi yang kini dikenali sebagai harta karun. Oleh itu, Islam tidak melarang untuk kita mencari kekayaan mengikut kemampuan kita, dan salah satu cara yang paling berkesan ialah dalam bidang perniagaan. Telah dinyatakan di dalam Islam, 9/10 dari hasil kekayaan itu datangnya dari sumber perniagaan. Namun dalam menjalankan perniagaan, hendaklah kita bersikap jujur dalam timbangan, adil, tidak mengamalkan riba, bersih dari sebarang rasuah dan janganlah memberi atau menerima rasuah serta keluarkanlah zakat berdasarkan kadar yang telah ditetapkan.

Namun kini, masyarakat terlupa mengenai suatu perkara yang amat penting di dalam Islam. Ramai yang beranggapan bahawa zakat yang dikeluarkan akan mengurangkan jumlah harta yang dimiliki. Kita sering mendengar kata-kata sinis yang menyatakan bahawa, "*aku penat-penat cari duit senang-senang je nak bagi pada orang lain*". Tetapi mereka tidak sedar bahawa harta yang dimiliki oleh mereka merupakan rezeki yang dikurniakan oleh Allah dan pinjaman semata-mata. Bila-bila masa sahaja Allah boleh menarik semula harta yang dikurniakan kepada kita. Cuba kita kaji kepada individu-individu yang sering mengeluarkan zakat tidak kira zakat pertanian, zakat emas, penternakan dan sebagainya, pasti mereka merasa gembira kerana telah berjaya

melaksanakan satu tuntutan yang amat ditegaskan di dalam Islam. Harta mereka juga semakin bertambah, tidak berkurang seperti yang difahami oleh kebanyakan orang kini. Dan zakat yang dikeluarkan tidak semestinya dalam bentuk barang-barang yang didagangkan sebaliknya boleh dinilai berdasarkan jumlah yang perlu dikeluarkan.

5.3 Perancangan Ekonomi

Menurut Helmi Haji Daud al-Hamdi di dalam artikelnya bertajuk “Perencanaan Pembangunan Ekonomi” menyatakan bahawa *sesbuah* negara yang sedang membangun memerlukan kepada strategi yang jelas dan dasar dalam menentukan hala tuju pentadbiran ekonominya. Ini bertujuan untuk menaikkan taraf hidup rakyat dalam membasmi kemiskinan dan kemunduran rakyatnya. Terdapat dua saranan utama yang diberikan oleh beliau dalam usaha merancang aktiviti ekonomi agar berkembang dengan maju. Pertama, perancangan di bidang ekonomi dan kedua perancangan dalam non-ekonomi.

Dalam perancangan ekonomi, terdapat tiga pra-syarat utama yang perlu diambil kira. Pertama, perlunya kepada statistik yang lengkap tentang pelbagai sektor dan perlu diselaraskan dengan demografi kependudukan. Statistik ini amat perlu bagi mengenalpasti wilayah-wilayah yang menghadapi masalah dalam pengagihan sumber pendapatan. Melalui statistik ini juga, segala sumber pendapatan dapat disalurkan dengan lebih berkesan tanpa adanya kecaciran dalam usaha pembangunan yang menyeluruh.

Pra-syarat kedua, statistik yang akan digunakan perlulah diteliti dan dipantau agar bacaannya tepat supaya tidak berlakunya kesalahan dalam mentafsir. Menurut Helmi Haji Daud lagi, dalam merancang pembangunan ekonomi negara, *sesbuah* negara itu perlu kepada data-data yang lengkap dan

perluah *up-to-date* dari semasa ke semasa dan berupaya mengoptimumkan tenaga kerja baik dari dalam mahupun dari luar negeri di samping kestabilan politiknya yang menjadi asas kepada pengembangan di sektor ekonomi. Nilai dan etika di dalam pekerjaan juga harus dititikberatkan. Gejala rasuah perluah dibanteras dengan segera kerana ia merupakan faktor yang mengendalakan perancangan ekonomi. Seterusnya beliau berkata lagi, di dalam sesebuah perancangan ekonomi kita harus mengenalpasti sektor-sektor yang perlu diberi perhatian utama berbanding sektor-sektor lain yang dianggap mampu memberikan pulangan yang lumayan.

Selain perancangan ekonomi yang bersifat objektif, perancangan juga perlu kepada aspek berbentuk non-ekonomi. Menurutny bidang ini amat kurang diberi perhatian terutama di sektor memajukan mentaliti beragama. Padahal sektor ini amat penting untuk dipraktikkan dalam membendung dasar-dasar *anisme* dan sifat perikemanusiaan. Usaha-usaha seperti memajukan dakwah dan penyebaran agama Islam mempunyai pengaruh yang besar terhadap penduduk dalam mengharmonikan masyarakat di Malaysia. Apabila usaha-usaha kesejahteraan itu terlaksana, maka mentaliti beragama dapat diwujudkan.

Di samping itu di dalam membuat perancangan pembangunan, para juru perencana juga harus memahami dan menjalankan kajian terlebih dahulu terhadap masalah-masalah ekonomi secara keseluruhannya.

“Sesuat perancangan itu haruslah didasarkan kenyataan-kenyataan yang berlaku dalam masyarakat dan keperluan-keperluannya yang diperlukannya dalam suatu negara. Juru perencana akan sangat tertolong dengan adanya penyelidikan-penyelidikan fakta-fakta ekonomi terlebih dahulu. Penilaian dan kesimpulan haruslah diambil dari data-data penyelidikan tersebut. Setelah itu keputusan yang sesuai dengan kenyataan tersebut diambil, dan perancangan

*dapatlah dibuat dengan teliti sehingga pelaksanaan pembangunan dalam kenyataannya dapat berhasil dengan baik”.*⁴⁴⁵

Oleh itu, berdasarkan kenyataan di atas jelas membuktikan kepada kita bahawa sebelum membuat sesuatu keputusan terhadap masalah-masalah ekonomi, kajian-kajian dan penyelidikan perlu dilakukan sama ada secara teori atau praktikal. Contohnya pihak kerajaan atau pertubuhan tertentu yang terlibat di dalam perangkaan ekonomi boleh memperuntukan sejumlah dana kepada para pelajar yang mengambil jurusan perniagaan agar menjalankan kajian dan mendapatkan data-data terperinci dari hasil kajian yang dilakukan. Begitu juga dengan banci penduduk, untuk memperoleh data yang lengkap mengenai pendapatan per kapita dan jumlah sebenar penduduk, para pegawai perlu menjalankan kajiannya dengan gigih untuk meredah kampung, sungai dan kawasan pedalaman yang terpencil semata-mata untuk memperoleh data-data yang sebenar dan dengan ini perjalanan ekonomi dapat dirancang tanpa diragui akan berlakunya pengagihan yang tidak adil.

5.4 Penubuhan Institusi Islam

Perkembangan islah yang semakin berkembang telah menumbuhkan pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan berbentuk dakwah untuk menegakkan kebenaran Islam. Agama Islam mula diterapkan di dalam kehidupan umat Islam. Melalui usaha ini iaitu *ad-ddīn*, maka permintaan-permintaan terhadap institusi Islam semakin meningkat. Dalam *al-Islah* diselitkan beberapa buah berita sebagai memberitahu, mencadangkan, atau mewar-warkan agar dibangunkan institusi-institusi Islam seperti bank Islam, universiti Islam, hospital dan badan-badan Islam yang berlandaskan Islam.

⁴⁴⁵ Helmi Haji Daud al-Hamdi (1973), “Perencanaan Pembangunan Ekonomi”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 11, 12 & 13, jil. 4, 1/15 Ogos 1973 bersamaan 16/2 Rejab 1393, h. 28.

Ketika ini sememangnya telah banyak didirikan bank-bank berbentuk konservatif namun ia sebenarnya tidak menepati kehendak Islam yang sebenar. Ini kerana bank konservatif begitu terdedah kepada pelbagai jenis pelaburan melibatkan golongan bukan Melayu yang melabur dan pengamalan riba amat berleluasa. Maka apabila munculnya bank Islam seperti yang dibincangkan oleh TuanHaji Yusof Rawa dibawah tajuk “Kita Dan Bank Islam”⁴⁴⁶ beliau suka untuk menyatakan mengenai pentingnya penubuhan institusi tersebut. Begitu juga di dalam Kongres Mahasiswa Melayu Timur Tengah yang diadakan di Kaherah, salah satunya kertas kerja bertajuk “Pentingnya Bank Islam Di Malaysia”⁴⁴⁷ merumuskan bahawa sistem bank Islam di Malaysia kini tidak akan dapat meningkatkan taraf hidup ekonomi orang-orang Islam, oleh itu jika dibentuk sistem perbankan Islam diyakini akan dapat memperbaiki dan meningkatkan taraf ekonomi orang-orang Islam melalui saluran bank seperti kaedah *mudharabah*.

Selain itu, isu pendidikan juga menjadi fokus dalam gerakan islah di Malaysia. Permintaan terhadap tertubuhnya institusi-institusi pendidikan tinggi semakin hangat diperkatakan. Di bawah tajuk “Bila Dan Manakah Universiti Islam Malaysia?”⁴⁴⁸ Saudara Kasim Ahmad cuba mengupas isu ini agar ia dapat membuka minda masyarakat tentang pentingnya pembelajaran dan pengajaran Islam di peringkat yang lebih tinggi. Begitu juga di bawah tajuk “Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri Dalam Peringkat Lima Tahun Pertama”⁴⁴⁹ diperkenalkan sebagai langkah awal kepada penubuhan pusat pengajian tinggi yang kini berada di bawah Universiti

⁴⁴⁶ Ibn al-Rawi (1970), “Kita Dan Bank Islam”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 17, jil.1, 15 Oktober 1970 bersamaan 14 Sya’ban 1390, h. 4 & 19.

⁴⁴⁷ Ibn Fadhil (1970), “Pentingnya Bank Islam Di Malaysia”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 20, jil.1, 15 Disember 1970 bersamaan 16 Syawal 1390, h. 1, 7 & 13.

⁴⁴⁸ Kasim Ahmad (1970), “Bila Dan Manakah Universiti Islam Malaysia?”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 11, jil.1, 15 Julai 1970 bersamaan 11 Jamadil Awal 1390, h. 1 & 17.

⁴⁴⁹ Rusydi Yusof (1970), “Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri Dalam Peringkat Lima Tahun Pertama”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 17 & 18, jil.1, 15 Oktober 1970/ 14 Sya’ban 1390 & 1 November 1970/ 2 Ramadhan 1390.

Malaya. Dan artikel lain yang disiarkan ialah mengenai penubuhan hospital Islam di bawah tajuk “Hospital Islam”⁴⁵⁰ dan disiarkan juga mengenai perkembangan beberapa buah badan dakwah seperti Jemaah al-Dakwah al-Islamiah Selangor yang telah mengadakan Majlis Perhubungan Jemaah Islamiah pada 15 Ogos 1970 dan Persidangan Agung ke-13 yang diadakan di Dewan Institut Mara, Melaka pada 6 September 1970.

Oleh itu, berdasarkan beberapa buah artikel yang disiarkan di dalam *al-Islah* jelas membuktikan bahawa kesedaran mengenai cara hidup Islam semakin mendominasi kehidupan orang-orang Melayu. Islam mula dipraktikkan di dalam setiap urusan, bermula dengan institusi pengajian tinggi hingga kepada pembinaan hospital-hospital pakar yang berpayungkan Islam bagi memudahkan orang-orang Islam terutama masyarakat Melayu dan ianya merupakan suatu kewajipan yang perlu dilaksanakan dalam tuntutan fardhu kifayah.

6. Sosial

Di dalam bahagian ini, pengkaji akan menggabungkan permasalahan sosial dengan agama di dalam kehidupan umat Islam. Ini kerana, banyak isu-isu berkait soal kemasyarakatan tidak boleh lari dari membicarakan tentang permasalahan agama. Maka bahagian ini pengkaji akan membahagikan kepada beberapa bahagian. Antaranya (i) keimanan, (ii) mentaliti, (iii) metod dakwah, (iv) institusi masjid, dan (v) dasar pembangunan.

6.1 Keimanan

Dewasa ini, umat Islam dilanda kepincangan dan gejala *fasād* yang semakin menghantui ibu bapa. Bertitik-tolak dari kegagalan dalam menghayati tuntutan keimanan dalam program pembangunan adalah menjadi punca utama

⁴⁵⁰ Alwi Tahir (1970), “Hospital Dalam Islam”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 19, jil. 1, 15 November 1970 bersamaan 16 Ramadhan 1390.

kerapuhan iman. Perjudian, gejala rasuah, budaya samseng dan sebagainya menjadi isu utama penerbitan *Islah*. Oleh itu menurut Tuan Haji Yusof Rawa, umat Islam seharusnya kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dengan menimbulkan keyakinan kepada Allah yang mempunyai kuasa tertinggi dalam membebaskan manusia dan masyarakat dari segala bentuk keburukan dan kezaliman. Sebaliknya keburukan, fasad dan kezaliman akan bermula apabila seseorang itu menolak keimanan daripada Allah dalam erti keimanan sebenar.

Menurut beliau keadaan ini terjadi kerana kebanyakan dari kita celupan Barat yang mudah sekali mengangguk-anggukkan kepala, menari menurut rentak gendang yang dipalu oleh pakar-pakar ikhtisas Barat sehingga berkecamuklah pemikiran terhadap sesuatu pegangan tradisi dan merosotlah nilai mutu manusia itu sendiri. Maka tidak hairanlah jika kita perhatikan pada masa ini betapa liarnya manusia daripada agama, dengan munculnya pelbagai ragam muda mudi yang kurang menyenangkan mata hati, batas sosial akhlak sudah runtuh dan nilai kerohanian telah berkecai.

Di dalam artikel "*Kesan-Kesan Iktikad Dalam Masyarakat*" ada membicarakan secara ringkas mengenai kesan terhadap individu dan masyarakat Islam yang mengabai dan salah tafsir mengenai konsep cara hidup Islam. Mengapa apabila manusia telah mencapai kemajuan, ketamadunan dan kejayaan maka seiring dengan itu berlakulah dengan hebatnya keruntuhan moral bagi umatnya?. Kemusnahan, kecaman jiwa, keruntuhan akhlak, kesedihan dan kesengsaraan membelenggu kehidupan. Persoalan demi persoalan dilontarkan mengapa perkara ini terjadi. Menurut Abdul Rasyid Long:

"Yang demikian terjadi akibat kesan-kesan iktikad dalam masyarakat, kerugian yang ditempuh oleh masyarakat dunia kerana tidak ada panduan iktikad dalam menggunakan tenaga tabi'i mereka. Menolak kekuasaan Allah Taala yang kekal

*berkuasa atas seluruh alam, lalu mengambil benda dan bertuhankan kepada benda itu, mengikatkan diri dengan yang tidak kekal dan lemah, kadang-kadang nafsulah yang memandu mereka, meskipun kekuasaan yang mengatasi segala kuasa itu ialah kekuasaan tuhan”.*⁴⁵¹

Di samping itu juga beliau menegaskan, hasil dari iktikad yang salah, umat manusia berada dalam kekeliruan. Mereka menganggap Islam sebagai penyakit kemajuan yang membantutkan proses pembangunan. Lebih parah lagi apabila mereka memahamkan Islam sekadar lambang dan simbol kepada konsep peribadatan.

*”Jika demikian pula pengenalannya tentang Islam dan kembang majunya syiar Islam, maka sangat-sangat dibimbangkan akan lahir pengertian bahawa Islam itu masjidnya yang besar, gajinya yang mahal dan pegawai-pegawainya yang ramai, berkongres sana sini yang hasilnya itu jadi tanda tanya, dan juga khutbah-khutbah Jumaat diperdengarkan melalui siaran-siaran radio bahkan sembahyang juga diperdengarkan ke serata tempat, inilah agamanya...maka tidak keterlaluan jika ditegaskan bahawa pegangan hidup umat Islam telah bertukar kepada lambang, hinggalah ibadat sembahyangnya yang demikian pupuslah iktikad dan samar-samarlah pegangan bahawa Islam itu darahnya dan dagingnya dan hati budinya dan idea hidupnya kepada benda semata-mata seperti pegangan hidup orang-orang material”.*⁴⁵²

Bagi mencari penyelesaian kepada permasalahan ini, berpandukan surah al-Munafiqun ayat 9,⁴⁵³ Abdul Rasyid Long menyarankan agar setiap muslim itu sewajarnya kembali kepada Allah dan sentiasa mengingatinya supaya segala apa jua perolehan dari pelbagai macam pengetahuan maka (tauhid) kepada Allah inilah yang memandukan supaya muslimin jangan menempah jalan yang rugi, jalan yang dilalui oleh orang-orang yang sesat pesot. Kembali kepada roh kesedaran bahawa segala kesan-kesan yang merugikan itu hendaklah dibuang dari bersarang dalam iktikad dan jadikanlah agama Islam itu ideanya dan anutan

⁴⁵¹ Abdul Rasyid Long (1970), “Kesan-Kesan Iktikad Dalam Masyarakat”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 6, jil.1, 1 Mei 1970, h. 17.

⁴⁵² *Ibid.*

⁴⁵³ Wahai orang-orang yang beriman, janganlah harta benda dan anak-anak kamu itu melupakan kamu daripada mengingati Allah Taala dan siapa jua yang melakukan demikian, maka mereka adalah orang-orang yang rugi.

hidup. Maka barangsiapa berpegang kepada tuhanya dan jalan kesempurnaan hidup yang moden, (*way of life*) nescaya ia akan membentuk masyarakat moden yang berteraskan iktikad tauhid.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan yang dibentangkan di dalam *al-Islah* jelas membuktikan kepada kita bahawa pentingnya nilai-nilai keimanan dalam diri setiap Muslim. Ini kerana iktikad dan nilai keimanan menjadi asas pembentukan sahsiah diri dalam mengawal tingkah laku manusia. Masyarakat yang mendekati diri kepada Allah akan sentiasa mengingatnya dan sentiasa berfikir bahawa Allah sentiasa melihat apa yang dilakukan oleh hambanya. Pemahaman yang salah mengenai Islam merupakan suatu penyakit yang amat berbahaya. Oleh kerana pelakunya yang salah mempamerkan cara hidup sebenarnya menyebabkan generasi terkemudian mula mengikut dan akhirnya menuding jari apabila mereka merasakan Islam gagal memandu hidup mereka ke arah kemajuan.

Dalam hal ini, ibu bapa dan alim ulama perlu dipersalahkan. Kegagalan memainkan peranan dalam mencorakkan pendidikan agama di rumah dan masjid menjadi tunjang salah faham ini. Mengapa pengkaji menyatakan demikian. Ini kerana, sejak kecil lagi ibu bapa berperanan mendidik anak-anak tentang pelajaran agama sebelum mereka dihantar ke rumah tuan guru untuk mendalami ilmu pengetahuan. Justeru itu, anak-anak akan menjadikan ibu bapanya sebagai ikon dan membentuk pemikiran mereka hinggalah meningkat dewasa. Kemudian apabila mula memasuki alam pekerjaan, mula berhijrah ke bandar-bandar besar mereka mula terdedah dengan persekitaran serba moden, persaingan yang hebat dan material menjadi sumber iktikad. Dengan keadaan-keadaan yang sedemikian akan mempengaruhi pemikiran mereka, sehingga mereka memahami bahawa jika sesebuah bangsa itu inginkan kemajuan dan

pembangunan yang mampan seharusnya memisahkan agama dari urusan duniawi.

6.2 Mentaliti

Dalam *al-Islah* ini juga, tidak lengkap sekiranya tidak dibicarakan mengenai keadaan masyarakat Islam pada hari ini. Masyarakat Melayu yang berada dalam kemunduran sering menjadi fokus dalam penyampaian islahnya.

*“Pada hari-hari kebelakangan ini orang-orang pada keributan membicarakan revolusi mental. Pengubahan mentaliti tentunya, mentaliti orang kita sudah terlalu buruk kiranya, mesti direvolusikan”.*⁴⁵⁴

Terdapat sesetengah golongan yang sedang memenuhi zaman sains dan teknologi, zaman yang kononnya mengkehendaki segala sesuatu itu diperbaharui, dipermoden dan direvolusikan tanpa segan silu telah mencela dan mengkritik sekumpulan masyarakat yang masih teguh berpegang kepada prinsip lapuk “Secupak takkan jadi segantang” dalam konsep meraih kemajuan:

*“Secupak takkan jadi segantang”.Oleh sebab kita sangat-sangat berghairah di dalam pembangunan material/fizikal, maka kata-kata itu telah dipandang, diberi penilaian dari segi spiritualnya. Oleh sebab pepatah itulah- kononnya - maka kita terpengaruh menjadi malas, mundur dan ketinggalan...Padahal kata-kata itu sungguh berhikmah dari segi apa pun...bagaimana anda hendak tahu yang habuan anda secupak atau segantang, sekiranya anda duduk berpeluk tubuh tidak bergerak, berusaha mencari-carinya?. Tentulah mesti berusaha, bekerja, bertungkus lumus ke arah mendapatkannya...”*⁴⁵⁵

Menurut pengkaji, sebagai manusia yang dianugerahkan akal fikiran dan kudrat seharusnya digunakan dengan sebaik-baiknya ke arah kebaikan. Islam bukanlah sebuah ajaran yang membawa masyarakatnya jalan kemunduran seperti yang difahami oleh orang-orang Barat. Namun apabila mentaliti masyarakat

⁴⁵⁴Yusof Rawa (1971), “Sesungguhnya Allah Tidak Akan Mengubah Nasib Sesuatu Kaum Sehingga Ia Mengubahnya Sendiri”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 1, jil.2, 15 Februari 1971, h. 3.

⁴⁵⁵Yusof Rawa (1973), “Secupak Tidak Jadi Segantang”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 7 & 8, jil.4, 15/1 Jun 1973, h. 5.

dipengaruhi oleh kemajuan yang dikecapi oleh Barat, umat Islam mula menuding jari menyatakan kemunduran berpunca daripada mengikuti ajaran Islam. Dalam Islam, mereka melihat halangan-halangan itu dilihat sebagai lambang kerugian. Ramai mula merungut menyatakan “*itu tak boleh, itu haram, jangan ambil*” dan sebagainya yang dianggap akan menghalang kemajuan anak bangsa.

Contoh di dalam perniagaan, ramai di kalangan orang-orang Melayu menyatakan kemajuan yang dikecapi oleh orang-orang Cina di dalam bidang perniagaan adalah kerana mereka mengamalkan riba, menjual arak, tidak perlu membayar zakat dan sebagainya yang menjadikan mereka memiliki kekayaan yang mutlak. Namun ia bukanlah perkara yang benar kerana Islam tidak pernah membawa kemunduran kepada masyarakatnya. Islam perlu difahami dari konteks pengamalannya. Pengamalannya yang mencorakkan bagaimanakah pemahaman yang diperlukan untuk direvolusikan kepada masyarakatnya. Iktikad yang salah dalam memahami ajaran Islam yang sebenar telah memberikan imej yang buruk kepada Islam. Islam tidak melarang umatnya mengecapi kekayaan. Kita digalakkan untuk mencari kekayaan di mana sahaja kita berada selagi tidak melanggar batas-batas yang telah ditetapkan oleh Allah, kerana perlu diingat bahawa segala sesuatu itu datangnya dari Allah, hanyalah bersifat pinjaman. Maka di sini perlunya kepada peranan cerdik pandai termasuk ulama untuk membetulkan iktikad masyarakat agar tidak memandang serong kepada Islam. Dan jika kita malas untuk berusaha memang benarlah apa yang dikatakan oleh Barat, bahawa orang-orang Melayu tidak akan maju kerana di dalam pemikiran mereka telah sebatu dengan pepatah Melayu “*Secupak tidak akan jadi segantang*”.

Malah yang lebih mneyedihkan apabila terdapat golongan alim ulama yang ingin memberikan kesedaran kepada mereka, terdapat satu bayangan telunjuk menuding jari ke arah mereka. *“Bila mana orang merasakan keperitan, akibat dari sesuatu yang buruk dari segi agama orang begitu cepat sekali menyalahi ulama”*.⁴⁵⁶ Alim ulama dikatakan tidak bersikap tegas, alim ulama tidak menjalankan kewajipan dan lain-lain lagi yang menyebabkan masyarakat Islam menjadi mundur dan tidak lagi bersopan, dikatakan kolot, tidak mengikut peredaran masa, dan apabila alim ulama memperdengarkan kepada mereka dalil-dalil membayangkan neraka dan syurga di atas balasan segala perbuatan, segelintir umat Islam tidak menyenangi dengan pernyataan tersebut yang seolah-olah sengaja menakut-nakutkan umat Islam dengan hukuman yang menanti.

Tuan Haji Yusof Rawa sendiri dalam majalah terbitannya ini mengambil sikap natural dalam memperkatakan hal ini. Beliau menyatakan rasa kehairanan dengan sikap alim ulama yang tidak pandai mengambil pendekatan yang sewajarnya dalam berdakwah:

“Mengapa selalu ditakut-takutkan manusia Islam?. Itu bertentangan dengan pandangan moden, bukankah itu akan menjadikan orang-orang Islam bersifat pasif non aktif”.⁴⁵⁷

Menurutnya, tujuan pernyataan ini bukan berniat mencela atau memperkecilkan usaha-usaha mereka. Sebaliknya sebagai umat Islam kita (al-Islah) juga tidak mahu menutup telinga sahaja kepada teguran-teguran atau kritikan yang membina dari bijak pandai terhadap alim ulama. Ini kerana setiap pihak adalah bebas untuk menyuarakan pendapat masing-masing yang

⁴⁵⁶Yusof Rawa (1971), “Ulama Dan Cabarannya”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 16, jil. 2, 1 Oktober 1971, h. 3.

⁴⁵⁷Yusof Rawa (1970), “Ittaqullah”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 5, jil.1, 15 April 1970, h. 4.

difikirkan betul. Oleh itu, beliau memberikan teguran yang membina dalam merentangi kemodenan dunia.

*“Apa yang kita perlukan sekarang ialah sewaktu mengkritik diri atau terhadap mana-mana pihak, mestilah ada antara satu pihak dengan lainnya saling hormat-menghormati fikiran atau pendapat masing-masing pihak dan yang terutama sekali kritik atau teguran-teguran itu mestilah diasaskan atas satu ukuran atau pertimbangan. Dan barang sudah tentu bagi kita sebagai orang Islam, akidah Islamiahlah mesti kita jadikan neraca pertimbangan di dalam serba-serbi. Mudah-mudahan kerja islah (reform) berjalan, bersefahaman antara intelektual dan ulama berdekatan”.*⁴⁵⁸

Tambahnyalagi, setiap ulama itu perlulah mempunyai sikap yang tegas dan mempunyai tahap kecerdasan dalam menghadapi sebarang cabaran mengikut peredaran semasa.

*“Sebab itu ternyata ulama dengan kecerdasannya – kalau ia cergas – atau dengan kelemahannya – kalau lemah – adalah sentiasa berhadapan dengan cabaran-cabaran yang hebat itu. Biar bagaimana cergas ulama, kalau belum dapat mengatasi cabaran-cabaran besar itu, ia tetap terkial-kial dan hasil-hasilnya tetap menjadi sasaran cemuhan, apalagi kalau ia lemah”.*⁴⁵⁹

Para ulama juga seharusnya terlebih dahulu diberi pendidikan dan pengajaran yang secukupnya mengenai metod dakwah yang seharusnya digunakan dalam memberi teguran kepada masyarakatnya. Mereka juga mesti sentiasa berfikiran terbuka dan tidak cepat menjatuhkan hukuman kepada mereka yang didapati bersalah, namun perlunya kepada pendekatan yang berkesan dan mampu memberi penyedaran kepada pimpinannya. Sikap ketegasan dan kelembutan akan menjadi metod yang amat berguna di dalam pentarbiyahan jika ia dipraktikkan dengan betul. Peredaran masa, tempat dan suasana perlu diambil kira dalam menegur seseorang. Contoh jika kita berada di majlis ilmu, apabila

⁴⁵⁸*Ibid.*

⁴⁵⁹Yusof Rawa (1971), “Ulama Dan Cabarannya”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 16, jil. 2, 1 Oktober 1971, h. 3.

seseorang imam itu melihat seorang jemaah melakukan kesalahan di khalayak ramai, hendaklah tidak menegurnya secara terus, sebaliknya bawalah jemaah tersebut ke satu sudut yang agak lapang dan berikanlah teguran anda. Kaedah tersebut lebih berkesan berbanding menegur kesalahan seseorang di khalayak ramai yang akan mengaibkannya. Malah lebih buruk mungkin nasihat yang diberikan tidak diterimanya dan menimbulkan perasaan dendam kerana telah memalukannya di khalayak ramai.

Kadang kala kita melihat di dalam arus kemodenan ini, alim ulama masih lagi terikat dengan cara hidup lama. Cara pemikiran mereka yang agak kolot telah menghalang kemajuan yang hendak dilaksanakan. Pengkaji pernah menyaksikan sebuah filem bertajuk “Sang Pencerah” mengisahkan mengenai seorang tokoh reformis Indonesia Haji Ahmad Dahlan. Di dalam filem tersebut diceritakan bagaimana beliau menghadapi masyarakatnya yang rosak akibat salah faham dalam memahami ajaran Islam sebenar. Ramai di kalangan alim ulama termasuk ketua kiyai sendiri yang menentang perjuangan beliau sehingga ada yang memandang penggunaan kereta, kerusi, meja dan papan tulis sebagai peralatan yang digunakan oleh orang-orang kafir tidak boleh digunakan oleh orang-orang Islam. Ahmad Dahlan dikecam kerana mereka beranggapan beliau telah terpesong dari akidah sebenar dan sering mencetuskan kontroversi.

Oleh itu, mereka ini bukan sahaja bodoh sombong kerana menolak kemajuan tetapi juga lebih dari itu kerana tidak mahu mempelajari dan cuba untuk memanfaatkan kemajuan yang ada selagi ia tidak melanggar hukum syariat tidak salah untuk dipraktikkan. Islam sendiri pernah menyatakan “tuntutlah ilmu hingga ke negeri China”. Mengapa negeri China, mengapa tidak di Tanah Arab di mana Islam mula-mula diperkenalkan. Ini jelas membuktikan bahawa kemajuan yang dikecapi oleh orang-orang Cina yang ketika itu bukan beragama

Islam mampu mencapai kemajuan, maka tidak salah untuk masyarakat Islam mengambil pelajaran-pelajaran yang baik untuk diamalkan.

Dan dalam memperkatakan konsep Islam pula, beliau menyatakan bahawa barangkali satu daripada sebab kemunduran masyarakat Islam di Malaysia ini terdapat pada sikap atau konsep kita dalam beragama.

*”...sebab-sebab kemunduran masyarakat Islam di Malaysia ini terdapat pada sikap atau konsep kita kepada ugama, ibadah, kahwin mengahwin, kematian, puasa, zakat dan fitrah. Juga masyarakat umum lain-lainnya di Malaysia ini mempunyai pandangan yang sempit kepada ugama. Oleh sebab orang Islam sendiri telah salah gunakan ugamanya, manakah boleh masyarakat lain cenderung kepada cara-cara dan disiplin Islam”.*⁴⁶⁰

Justeru itu, bagi menyelesaikan masalah ini beliau menyarankan agar kita menetapkan suatu konsep dalam beragama. Islam, katanya bukanlah hanya satu ugama semata-mata bahkan ia lebih dari itu. Islam adalah satu sistem penghidupan setiap waktu yang merangkumi segala bidang pergerakan dan perbuatan. Oleh itu, jika kita menggunakan disiplin Islam yang suci nescaya masyarakat tidak patut ketinggalan dalam segala bidang yang diceburi. Seperti yang pengkaji nyatakan di atas tadi bahawa sikap dan mentaliti masyarakat yang tidak memahami ajaran Islam secara menyeluruh menyebabkan mereka melabelkan bahawa Islam hanyalah sekadar agama yang tidak perlu diselitkan di dalam urusan seharian, ia cukup sekadar sebagai rujukan dalam urusan kekeluargaan.

6.3 Metod Dakwah

Pengasas majalah ini turut menyatakan bahawa setiap individu itu diumpamakan seperti kanak-kanak yang tidak tahu membezakan kebaikan dan

⁴⁶⁰*Ibid.*

keburukan akibat dari tindakan yang diambil serta tidak terlepas dari kongkongan hawa nafsu yang menyebabkannya sentiasa tersasar dari landasan yang sebenar. *“Manusia di dunia ini ternyata seperti kanak-kanak sahaja, dalam bentuk apa sahaja, bentuk bangsa besar atau bentuk bangsa kecil, ataupun bentuk-bentuk yang entah apa lagi. Oleh pengaruh hawa nafsu, maka ia melakukan kesalahan atau kezaliman”*.⁴⁶¹ Setiap manusia itu perlu diperbetulkan.

Justeru itu bagi menangani permasalahan ini, setiap individu perlu mengambil peranan penting sebagai kelompok masyarakat terutama para mubaligh Islam. Seperti saranan yang dilaungkan oleh Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak katanya:

“Mubaligh-mubaligh Islam perlu diberi latihan sebelum menjalankan dakwah, sesuai dengan keadaan zaman supaya mereka dapat menjalankan usaha tersebut dengan lebih berkesan lagi”.⁴⁶²

Muhammad Nasir di dalam rencananya juga dengan panjang lebar menyatakan mengenai *Adab dan Peraturan Dalam Dakwah Islam* yang mana rencana ini ditujukan khas kepada para calon-calon mubaligh dan mubaligh Islam dalam mempersiapkan diri menjadi seorang mubaligh yang berkualiti.

*“...kekuatan dakwah seseorang mubaligh tergantung kepada kekuatan hujahnya yang diterima oleh akal yang sihat, dan daya panggilnya yang dapat menjemput jiwa dan rasa. Kedua-duanya bergantung pada i). Persiapan mental. ii). Persiapan Ilmiahnya. iii). Kai fiat dan adab dakwahnya...”*⁴⁶³

⁴⁶¹ Yusof Rawa (1971), “Menyongsong Penubuhan Pusat Latihan Dakwah Malaysia”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 11, jil. 2, 15 Julai 1971, h. 3.

⁴⁶² *Ibid.*, h. 15.

⁴⁶³ Muhammad Nasir (1970), “Adab Dan Peraturan Dalam Dakwah Islam”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 3, jil.1, 15 Mac 1970, h. 9.

Menurutnya lagi, seseorang mubaligh itu seharusnya memelihara ketenangan dan keseimbangan jiwa dan sanggup pula memulihkan keseimbangan tersebut apabila rasa terganggu dengan tindakan dan tekanan yang dihadapi. Mubaligh juga diingatkan agar jangan cepat bersifat sesak nafsunya apabila terdapat individu yang menolak, mendustakan dan mencemuh segala kebenaran yang dibawanya. Hendaklah bersikap sabar dan tidak berputus asa dalam usaha menyeru ke arah kebenaran seperti mana yang pernah dilakukan oleh junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Menurut pengkaji, masalah ini adalah berpunca dari diri mubaligh itu sendiri. Ramai di kalangan para mubaligh kini yang cepat melatah apabila berhadapan dengan permasalahan. Bersikap keras bukanlah jalan penyelesaian yang jitu. Rasulullah sendiri pernah mengajar kepada kita bahawa marah itu bukanlah suatu jalan penyelesaian, sebaliknya tegurlah secara berhikmah agar ia lebih lunak didengar. Begitu juga di dalam majlis-majlis ilmu, pengajaran yang skema dan keras akan membuatkan para jemaah bosan dan kurang mengambil perhatian di dalam pelajarannya. Namun jika para mubaligh mempelajari teknik-teknik penyampaian yang betul, diselangi dengan lawak-lawak jenaka berbentuk pengajaran dan mengemukakan contoh dan huraian bersifat terkini pasti audien tertarik untuk mendengarnya.

Begitu juga Ahmad Sufian, mahasiswa di Fakulti Syariah, Universiti Islam Sumatera Utara dengan jelas dan tegas menyatakan tentang kelemahan-kelemahan perjalanan dakwah dan strategi yang digunakan oleh mubaligh-mubaligh di Malaysia.

“Usaha dakwah Islam Di Malaysia hari ini kurang lancar disebabkan kurangnya mubaligh yang mendalam tentang seluk belok pendakwahan”.⁴⁶⁴

Pendakwahan ini merupakan suatu yang amat penting dan berkewajipan untuk dilaksanakan. *“Bagi Islam usaha dakwah adalah kewajipan, melaksanakannya pula adalah melaksanakan kewajipannya”*.⁴⁶⁵ Justeru itu, Tuan Haji Yusof Rawa menyarankan agar permasalahan ini tidak boleh diletakkan di atas peranan mubaligh semata-mata tetapi juga perlu dipertimbang oleh setiap hierarki dalam masyarakat terutamanya kepada golongan pemerintah.

“Usaha-usaha dakwah bukanlah semata-mata ditujukan kepada orang-orang yang belum Islam, bahkan di samping usaha yang bersungguh-sungguh ke jurusan tersebut itu, usaha yang tak kurang daripada itu seharusnya ditujukan juga ke kalangan orang Islam sendiri secara menyeluruh, sama ada rakyat jelata, mahupun pemuka-pemukanya, sama ada pemuka-pemuka dalam kepegawaian mahupun pemuka-pemuka dalam kemasyarakatan, apalagi pemuka-pemuka dalam kenegaraan. Sebab telah diperkatakan orang ‘rakyat adalah menurut agama pemerintahannya’, jika orang yang berkuasanya beragama maka mudahlah mewujudkan rakyat yang beragama”.⁴⁶⁶

Institusi-institusi ulama dan para pemimpin seharusnya saling berganding bahu bagi menanggapi masalah ini. Bagi institusi ulama, pelbagai program boleh dibentuk untuk meningkatkan mutu dakwah. Menurut pengkaji terdapat tiga perkara yang perlu diambil perhatian. Perkara pertama ialah dengan menetapkan kelulusan tertentu untuk menjadi seorang pendakwah, kedua, mengadakan kursus-kursus kepimpinan yang mana di dalam kursus tersebut diberikan praktikal mengenai penyampaian yang berkesan ketika menyampaikan ceramah. Ketiga, para mubaligh juga ditetapkan agar sentiasa

⁴⁶⁴Yusof Rawa (1971), “Menyongsong Penubuhan Pusat Latihan Dakwah Malaysia”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 11, jil. 2, 15 Julai 1971, h. 15.

⁴⁶⁵*Ibid.*

⁴⁶⁶*Ibid.*

update dari segi ilmu pengetahuan dan diadakan lawatan ilmiah bagi membuka minda mereka mengenai realiti kehidupan sebenar. Tahap pemahaman yang berbeza antara masyarakat bandar dengan masyarakat kampung menyebabkan para mubaligh harus bijak menggunakan pendekatan dalam menyampaikan dakwahnya. Begitu juga halnya kepada kanak-kanak, mereka tidak boleh dilayan seperti orang dewasa yang lebih mudah memahami maksud tersurat yang ingin disampaikan.

Selain itu, pelbagai inisiatif juga dibincangkan bagi mencari jalan penyelesaian kepada isu kemasyarakatan. Di dalam laporan Tuan Haji Solehuddin bin Haji Khalil, sebuah perhimpunan alim ulama Pulau Pinang dan Seberang Prai telah diadakan di Madrasah Misriah, Bukit Mertajam selama tiga hari tiga malam. Di dalam perhimpunan yang dihadiri oleh 2000 orang peserta, beliau telah menyimpulkan kepada tiga persoalan pokok yang menjadi tajuk perbincangan utama iaitu masalah tauhid, masalah fekah dan tasawuf.⁴⁶⁷

Dan sebelum mengakhiri perhimpunan itu, pertubuhan tersebut telah mengariskan beberapa persoalan berkaitan masyarakat Islam di Malaysia yang akan dibincangkan di pertemuan yang akan datang. Apa yang dapat pengkaji simpulkan terdapat tujuh isu yang menjadi perhatian alim ulama. Pertama, mengenai keperluan masyarakat Islam untuk kembali kepada keperibadian Islam yang sebenar. Kedua, isu hukum mengenai aktiviti merancang keluarga yang dianjurkan oleh pihak kerajaan. Ketiga, kekhuatiran penyebaran buku-buku dan risalah-risalah yang memaparkan plan merancang keluarga dan berunsur lucuh. Keempat, etika berpakaian di kalangan remaja Islam. Kelima,

⁴⁶⁷ Sila rujuk, Tuan Haji Solehuddin bin Haji Khalil (1973), "Persatuan Alim Ulama Pulau Pinang Dan Seberang Prai: Ijtimak Alim Ulama", *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 7 & 8, jil.4, 15 Mei & 1 Jun 1973 bersamaan 11/28 Rabiul Akhir 1393, h. 25-26.

aktiviti perjudian. Keenam, insuran nyawa. Ketujuh, segala bentuk pinjaman dari bank dan lain-lain.

Oleh itu dengan adanya perbincangan seperti ini, ia memperlihatkan adanya inisiatif dan usaha alim ulama ke arah pembaikian mutu kehidupan masyarakat Islam. Ini kerana isu-isu yang disentuh di atas merupakan suatu isu baru pada ketika itu yang perlu kepada pendedahan dan pemahaman yang telus bagi setiap masyarakat Islam.

Di samping itu, tempat-tempat ibadah juga memainkan peranan yang penting untuk menarik orang ramai berkunjung. Namun kini, *al-Islah* menyatakan bahawa masjid kini telah kehilangan fungsinya. Kini institusi masjid hanya digunakan dalam urusan-urusan melibatkan solat fardhu, solat Jumaat dan dua hari raya sahaja. Usmat Asim di dalam artikelnya bertajuk "Masjid Dahulu, Sekarang Dan Akan Datang" menyatakan bahawa masjid pada hari ini telah kehilangan fungsi sebenarnya. Keadaan ini berbeza dengan keadaan institusi masjid ketika di zaman Rasulullah dan para sahabat. Jauh berbeza keadaan masjid suatu ketika dahulu dengan realiti pada hari ini. Jika dahulu masjid berkumandangnyanya setiap minggu khutbah-khutbah yang membantahi segala kemungkaran menyeru kepada bersatu, mengajak ke arah kebaikan dan membangkang segala kezaliman, namun kini institusi masjid seperti kehilangan fungsinya.

Mengapa keadaan ini berlaku?. Usmat Asim memetik kata-kata Prof. Dr. Mustafa al-Suba'ie seorang pengarang buku *Sosialisme Islam* dari Universiti Damsyik yang menyatakan:

"Kalau ternyata masjid-masjid hari ini gagal dalam menjalankan tugasnya yang agung itu, oh... itu semua bukanlah lain daripada kesalahann penanggungjawab-

penanggungjawab sesuatu tempat – dalam erti kecilnya sebuah kariah, besarnya sebuah negeri dan lebih besarnya lagi sebuah negara. Kesalahan para khatibnya yang tak tahu tanggungjawabnya, yang lalai leka dengan umpan dan upahnya...⁴⁶⁸

Oleh itu, menurutnya setiap khatib yang dipertanggungjawabkan sebagai pemimpin di dalam solatnya, hendaklah tegas di atas dasar hak, yang ahli dalam ilmu-ilmu, ikhlas terhadap Allah dan rasulnya serta menasihatkan umat-umat muslimin seluruhnya agar kembali dan menjadikan masjid sebagai sumber bagi kemajuan dalam dasar kemasyarakatan dan penghidupan. Dan kembalikan masjid dalam menjalankan tugas mendidik perawi-perawi, mengeluarkan pahlawan-pahlawan, mengislahkan (mereformasikan) yang telah rosak, memerangi kemungkaran dan membangunkan masyarakat di atas dasar takwa dan keredhaan Allah s.w.t.

Ada di kalangan generasi kini yang hanya menjejakkan kaki ke masjid setahun sekali apabila tibanya hari raya. Kurangnya pendedahan dan penetapan program-program tertentu telah melemahkan fungsi masjid sendiri. Masjid tidak lagi digunakan sebagai tempat menimba ilmu seperti aktiviti mengaji al-Quran di waktu pagi, kursus-kursus ibadah seperti ibadah korban, umrah, haji dan pengurusan jenazah untuk tatapan umum. Dan apa yang lebih menyedihkan kini ialah, masjid sentiasa dikunci selepas waktu solat. Keadaan ini amat menyukarkan para jemaah terutama kepada para musafir yang ingin bermalam atau menunaikan solat. Pengkaji sendiri pernah mengalami situasi sedemikian di mana pengkaji ketika itu bermusafir dan ingin menunaikan solat, terpaksa meminta belas kasihan dari pihak pentadbiran yang ketika itu sedang mengunci

⁴⁶⁸ Usmat Asim (1970), "Masjid Dahulu, Sekarang Dan Akan Datang", *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 6, jil.1, 1 Mei 1970, h. 15 & 18.

agar membukanya semula. Sungguhpun begitu perlu diketahui bahawa kini akibat kerapuhan iman banyak kes kecurian melibatkan rumah-rumah ibadah.

6.4 Dasar Pembangunan

Di samping itu, terdapat juga pelbagai persoalan mengenai agama Islam. Soalan demi soalan dilontarkan oleh masyarakat umum. Ramai yang mempersoalkan adakah Islam sesuai untuk diamalkan sebagai sistem masyarakat dalam zaman moden ini?. Menjawab persoalan ini, Prof Zulkifli Haji Muhammad terpanggil untuk menulis sebuah rencana mengenai perlunya Islam di dalam sistem politik dan kemasyarakatan.

Menurut Prof Zulkifli, adalah mustahil dan agak sulit bagi kita untuk melaksanakan dasar-dasar Islam sekiranya masyarakat masih lagi berpegang teguh dengan cita-cita kapitalis yang sama sekali bertentangan dengan lunas-lunas Islam. Oleh yang demikian untuk mengamalkan Islam dalam suatu masyarakat yang bercorak kapitalis adalah tidak mungkin. Demikian pula tidak mungkin mengamalkan Islam dalam masyarakat yang berfahaman sosialis. Islam hanya sesuai dan dapat diamalkan sepenuhnya dalam sebuah masyarakat yang berfahaman dan berbentuk Islam.

*“...iaitu sebuah masyarakat yang berfahaman bahawa dunia ini adalah kepunyaan Allah dan tiap-tiap seorang mestilah bekerja untuk dan kerana mentaati kehendak dan perintah Allah sesuai dengan tuntutan yang terdapat di dalam al-Quran dan sunnah”.*⁴⁶⁹

Menurutnya lagi, usaha terpenting yang harus diselesaikan dalam menuju sebuah masyarakat Islam ialah dasar-dasar pokok mengenai kehidupan politik, ekonomi dan masyarakat. Apakah asas-asas dasar politik dalam Islam?.

Menurutnya yang pertama ialah, ketuhanan Allah dan persamaan di antara umat

⁴⁶⁹ Prof Zulkifli Haji Muhammad (1970), “Islam Sebagai Suatu Sistem Politik Dan Masyarakat”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 9, jil.1, 15 Jun 1970, h. 8.

manusia. Ini kerana Islam itu tidak dapat diamalkan di dalam sesebuah masyarakat sekiranya tidak mempunyai unsur perasaan dan persamaan dalam membangunkan diri ke arah ketakwaan. Islam tidak meletakkan kedudukan seseorang sebagai suatu perbezaan. Bagi Islam setiap insan adalah penting dan tidak ada seorang pun yang terlalu penting. Inilah cara Islam membawakan persamaan di kalangan umat Islam.

Prof. Dato Dr. Engku Umar Ahmad dalam kenyataannya mengenai Melayu hari ini, menurutnya mengapa masyarakat sering menyalahkan agama Islam. Mengapa tidak dipandang dan direnung ke dalam diri setiap individu itu. Menurutnya walaupun di dalam perlembagaan, agama Islam diberikan keistimewaan kepada masyarakat Melayu, namun jika dibandingkan dengan masyarakat-masyarakat yang lain, masyarakat Melayu tersangatlah mundur jauh tertinggal kebelakang. Keahlian dan kegiatan dalam perniagaan dan perdagangan sangatlah berkurangan dan amat mengecewakan.

Lalu beliau terus menerus mengajukan persoalan kepada kita. Adakah keadaan-keadaan ini berlaku akibat daripada menganut agama Islam. *"Adakah agama Islam dikatakan satu ugama yang menahan kemajuan (intelekt)? Adakah Islam satu ugama yang tidak sesuai dengan zaman moden?"*⁴⁷⁰ Apabila dilontarkan soalan, dengan nada perlahan beliau menjawab:

*"...bukan ugama yang menghalang. Yang salah barangkali ialah masyarakat yang tidak menyesuaikan diri kepada zaman moden ini....adakah orang Islam tertindas oleh orang-orang lain?. Jawabnya tentulah tidak kerana orang Islam sendiri berkuasa dan berdaya mengatasi kemunduran-kemunduran mereka."*⁴⁷¹

⁴⁷⁰ Prof. Dato' Dr. Engku Umar Ahmad (1970), *op.cit.*, h. 17.

⁴⁷¹ *Ibid.*

Bagi diri individu itu juga perlulah mempunyai kesedaran tentang pentingnya agama sebagai bimbingan dan pimpinan yang akan mengarah manusia ke arah kebenaran yang mutlak. Pembangunan yang dilaksanakan tanpa disertai dengan nilai keagamaan tidak akan mencapai kesempurnaan. Dengan ini Tuan Haji Yusof Rawa menegaskan di dalam artikelnya menyatakan bahawa:

”...bahawa apa jua usaha di dalam pembangunan tanpa disertai bimbingan agama, tidak akan sempurna seperti yang dicita-citakan...Islam itu agama dunia dan akhirat, yang jika pimpinannya dipatuhi nescaya bahagialah kita..bagaimana tidak...kerana peraturan-peraturan agama untuk membentuk masyarakat yang diredhai”⁴⁷²

Oleh itu, kurangnya pemahaman tentang Islam telah membawa kepada kemunduran diri seseorang itu. Agama tidak pernah menghalang masyarakatnya mengecapi kemajuan. Kesalahan perlu diletakkan kepada orang Islam itu sendiri. Setiap insan yang dilahirkan mempunyai kuasa dan berdaya untuk mengatasi kemunduran diri. Ketandusan ilmu dalam memahami falsafah takdir menjadikan masyarakat Melayu mundur dan terkebelakang serta sering bersifat manja hanya mengharapkan belas ihsan dari orang lain sahaja.

⁴⁷²Yusof Rawa (1973), “Kesedaran Beragama”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 1 & 2, jil.4, 15 Februari dan 1 Mac 1973, h. 4.

7. Kesimpulan

Oleh itu, *al-Islah* menyatakan bahawa setiap permasalahan yang timbul itu perlu kepada jalan penyelesaian dengan mengenal segala punca kerosakan, punca penyakit dan sebab kepada kemusnahan sesuatu permasalahan. Permasalahan jiwa dan punca sampingan perlu dibajai semula dengan keimanan dan ketakwaan kepada Allah agar menjadi benteng ketahanan yang kukuh dalam menyemai semangat kehidupan beragama dan bermasyarakat.

Dalam wawancara *al-Islah* bersama Kassim Ahmad, seorang penyair, cerpenis dan politikus rakyat, beliau menyatakan bagi mengatasi segala kemerosotan dalam pelbagai bidang kita perlu mengkaji kepada sejarah. Sejarah adalah sebagai akar kepada segala permasalahan. Sejarah penjajahan terutamanya sistem Inggeris dalam bidang ekonomi, politik dan kebudayaan hendaklah dilakukan perubahan.

“Ini bermakna perubahan kepada kedudukan yang maju bagi kita mestilah bermula dengan perubahan daripada sistem penjajah kepada sistem yang bercorak nasional. Dan siapa yang akan melakukan perubahan ini?. Kita sendiri orang-orang Melayu dan Islam di negeri ini sendiri – dengan sokongan-sokongan suku bangsa-bangsa lain yang menjadi rakyat negeri ini”.⁴⁷³

Untuk itu menurutnya lagi penerapan, kejituan dan ketegasan diperlukan dalam menghapuskan saki baki sistem penjajahan yang masih ada di negeri kita hari ini dan untuk membangunkan sesebuah negara nasional kita perlu bersatu di atas dasar kebangsaan yang luas. Maka, melalui rencana-rencana yang dibentangkan di dalam *al-Islah* adalah sebagai salah satu saluran dalam memberi penyedaran kepada umat Islam terutamanya kepada orang Melayu yang agak ketinggalan di dalam pelbagai bidang pembangunan selain berusaha untuk mengubah mentaliti orang Melayu supaya lebih

⁴⁷³ Kassim Ahmad (1970), “Bila Dan Manakah Universiti Islam Malaysia!?” *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 11, jil. 1, 15 Julai 1970 bersamaan 11 Jamadil Awal 1390, h. 19.

bersikap terbuka dan praktikal dalam kehidupan serta dalam masa yang sama berusaha untuk memahami pengertian Islam sebagai al-Din.

Justeru itu, *al-Islah* cuba diketengahkan dalam memberi penyedaran kepada para pembaca terutamanya kepada masyarakat Melayu Islam. Ini kerana menurut *al-Islah*, segala bentuk permasalahan itu akan dapat diselesaikan selagi kita berusaha untuk mencari jalan penyelesaian. “*Alam ini tidaklah terlalu sempit, sehingga terdorong kepada kebuntuan, jalan keluar tentu ada, kalau kita mencari petua, akan banyaklah kita mendapatinya, kalau kita meminta petua, banyaklah pula kita diberi*”.⁴⁷⁴

⁴⁷⁴Yusof Rawa (1971), “Menyonong Penubuhan Pusat Latihan Dakwah Malaysia”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 11, jil. 2, 15 Julai 1971 bersamaan 22 Jamadil Awal 1391, h. 15.